



**DR. 4 TAHUN 2022**  
**DEWAN RAKYAT PARLIMEN KEEMPAT BELAS**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI  
DAN INOVASI (MOSTI), KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG**

**PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA  
TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**



#### AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

- |     |  |   |
|-----|--|---|
| 1.  | YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]   | - <b>Pengerusi</b>                                    |
| 2.  | YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti<br>Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] | - <b>Naib Pengerusi</b>                               |
| 3.  | YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  |   |
| 4.  | YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]  |   |
| 5.  | YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  |   |
| 6.  | YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam]                                  |   |
| 7.  | YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]   |   |
| 8.  | YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]   |   |
| 9.  | YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  |   |
| 10. | YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]   |   |
| 11. | YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]   |   |
| 12. | YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]                                      |   |
| 13. | YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]   |   |
| 14. | YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]   |   |
| 15. | YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin  | - <b>Setiausaha PAC /<br/>Setiausaha Dewan Rakyat</b> |

#### WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG  
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI), KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN  
KEWANGAN (MOF) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC  
PARLIMEN**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA</b>	<b>1 - 5</b>
2	<b>TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA (DR.15/2021)</b>	<b>6 - 19</b>

**LAPORAN JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19  
DAN PENGGUNAANNYA  
TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)  
DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021)  
BERHUBUNG**

**PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA  
TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

**1 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC Parliment telah membincangkan mengenai serta Seksyen III, Pekeliling Am No. 2 1982, PAC Parliment telah mengadakan prosiding berkaitan Perolehan Vaksin COVID-19 dan Penggunaannya Terhadap Rakyat Malaysia yang bertujuan untuk menilai dan mengkaji sama ada perolehan vaksin ini telah dilaksanakan dengan telus dan

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

pada harga yang berpatutan serta meneliti perancangan bagi pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

**1.2 Prosiding PAC yang telah diadakan adalah seperti berikut:**

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	5 Januari 2021 / 10.30 pagi	Bil. 1(a)/2021	i. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI): - YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar, Menteri MOSTI Malaysia  ii. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM): - YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Kesihatan Malaysia
2.	27 Julai 2021 / 10.30 pagi	Bil. 1(b)/2021	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI): - YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar, Menteri MOSTI Malaysia - YBhg. Datuk Ir. Ts. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, KSU MOSTI Malaysia
3.	28 Julai 2021 / 10.30 pagi	Bil. 1(c)/2021	Kementerian Kewangan (MOF): - YB Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia - YBhg. Dato' Asri bin Hamidon, KSP
4.	2 Ogos 2021 / 10.30 pagi	Bil. 1(d)/2021	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM): - YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Kesihatan Malaysia; - YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, KSU KKM; dan - YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, KP Kesihatan

**1.3 Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak yang berkepentingan terhadap perolehan vaksin dan pelaksanaan PICK iaitu YB Menteri MOSTI, YB Menteri Kesihatan, YB Menteri Kewangan, Ketua Setiausaha (KSU) MOSTI, KSU Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) serta Ketua Pengarah (KP) Kesihatan Malaysia untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGANAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

- 1.4 Pada 1 Disember 2021 Jawatankuasa ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Perolehan Vaksin Covid-19 Dan Penggunaannya Terhadap Rakyat Malaysia Di Bawah Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dan Kementerian Kewangan (MOF) di Dewan Rakyat.
- 1.5 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan lima (5) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOSTI/KKM/MOF.
- 1.6 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b) menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil MOSTI/KKM/MOF selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat :
  - i. Kerajaan perlu memastikan setiap kementerian yang bertanggungjawab dalam memerangi pandemik COVID-19 menggunakan peruntukan RM5.8 bilion dengan mematuhi segala tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa demi memastikan keutamaan kepada kepentingan dan kesejahteraan rakyat.
  - ii. Kerajaan perlu mengambil tindakan proaktif dalam memuktamadkan pembelian vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak (5-11 tahun) termasuk meletakkan wang tempahan (*strategic bet*) sekiranya perlu, untuk menjamin penghantaran vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak tidak akan terlewat.
  - iii. Kerajaan perlu memastikan kelestarian dana KWAN demi menjamin kesejahteraan generasi akan datang. MOF perlu memastikan segala perbelanjaan Kerajaan diambil kira dalam anggaran belanjawan negara dengan jelas setiap tahun.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

- iv. Kerajaan perlu menetapkan harga siling Sinovac yang dijual dalam *Private Vaccine Market* dengan segera dan memastikan harga siling tersebut tidak memberikan keuntungan melampau kepada pembekal.
  - v. Kerajaan tidak harus membuat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera kerana pembangunannya adalah bersifat CSR. Kerajaan hendaklah mengambil alih pengoperasian aplikasi MySejahtera tanpa melibatkan apa-apa kos tambahan memandangkan ia telah menjadi sebahagian daripada sistem kesihatan negara.
- 1.7 Sehubungan dengan itu, MOF bersama-sama dengan MOSTI/KKM telah memberikan taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOSTI/KKM ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR. 15/2021 di hadapan PAC Parlimen pada 8 Mac 2022.

## **2 PENDAHULUAN**

- 2.1 Malaysia seperti negara-negara lain, perlu melaksanakan program vaksinasi terhadap rakyatnya dalam membendung pandemik COVID19. Pada ketika ini, Malaysia tidak mempunyai kapasiti serta fasiliti lengkap bagi penghasilan vaksin. Justeru, Malaysia perlu mendapatkan bekalan vaksin COVID-19 yang dibangunkan oleh negara lain. MOSTI dan KKM telah mengadakan beberapa siri rundingan dengan syarikat-syarikat pengeluar vaksin di luar negara dan telah menandatangani kontrak bekalan vaksin berkenaan yang dibekalkan bermula pada akhir Februari 2021.
- 2.2 Laporan PAC Parlimen Berhubung Perolehan Vaksin Covid-19 Dan Penggunaannya Terhadap Rakyat Malaysia Di Bawah Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dan Kementerian Kewangan (MOF) di Dewan Rakyat telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 1 Disember 2021. Surat PAC bertarikh 4 Januari 2022 [rujukan

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

PAR/PAC.3/25/15/3 (14)] telah memohon Laporan Tindakan Susulan Interim MOSTI/KKM/MOF secara bertulis terhadap syor-syor berhubung Laporan PAC Parlimen DR. 15/2021.

- 2.3 MOSTI/KKM/MOF mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis kepada Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat melalui e-mel rujukan KKM.S 100.9/1/2 Jilid 8 (10) bertarikh 8 Februari 2022. Seterusnya *slide* pembentangan bagi Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOSTI/KKM/MOF ke atas syor-syor Laporan PAC Parlimen DR. 15/2021 telah dikemukakan pada 7 Mac 2022.

**TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
(MOSTI), KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA (KKM)  
DAN KEMENTERIAN KEWANGAN  
(MOF) BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN DR.15/2021**

### 3 TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

- 3.1 Syor 1: Kerajaan perlu memastikan setiap kementerian yang bertanggungjawab dalam memerangi pandemik COVID-19 menggunakan peruntukan RM5.8 bilion dengan mematuhi segala tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa demi memastikan keutamaan kepada kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

#### Maklum Balas MOSTI/KKM

- 3.1.1 Perolehan vaksin COVID-19 bertambah proaktif melalui gerak kerja **Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV)** yang ditubuhkan melalui **keputusan Jemaah Menteri** pada 14 Oktober 2020 yang bertujuan memastikan bekalan vaksin COVID-19 diperoleh dengan segera, selamat dan sempurna. Jawatankuasa ini **dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi**.
- 3.1.2 Pada tahun 2020 dan 2021, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan **pemantauan prestasi perbelanjaan** terhadap semua **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** di bawah KKM dan agensi-agensi pelaksana selain KKM dan mengemukakannya ke **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** setiap minggu. Langkah ini bertujuan bagi memastikan perbelanjaan sehingga ke peringkat negeri dan PTJ adalah mematuhi skop dan tidak melebihi siling kelulusan peruntukan yang diterima dari MOF.
- 3.1.3 KKM juga **sentiasa berunding dengan MOF untuk mendapatkan pengesahan peruntukan sekiranya terdapat keperluan peruntukan yang di luar skop sedia ada** dan membuat pemantauan pelaporan perbelanjaan secara berkala bagi memastikan PTJ mematuhi segala tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

- 3.1.4 Daripada segi **aspek perolehan** pula, proses perolehan vaksin COVID-19 yang dilaksanakan oleh pihak KKM adalah berpandukan **Prosedur Operasi Standard (SOP) Perolehan Vaksin COVID-19: Bekalan Peralatan dan Penyedia Perkhidmatan Berkaitan Bagi Menangani COVID-19 di Malaysia** yang telah diluluskan oleh MOF pada **23 November 2020** dan kemudiannya **dikemas kini pada 18 Disember 2020, 14 Januari 2021, 22 Januari 2021, 9 Mac 2021 dan 16 Disember 2021**.
- 3.1.5 Daripada **aspek pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)** di bawah Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) pula, beberapa prosedur dan garis panduan telah diluluskan oleh MOF terhadap **SOP dan Perolehan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada 11 Mac 2021** dan kemudiannya **dikemas kini pada 16 April 2021 dan 4 Mei 2021**. Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) MOSTI juga telah mengeluarkan **Garis Panduan Pengurusan Belanjawan dan Perbelanjaan di bawah PICK pada 6 Ogos 2021** bagi tujuan menyeragamkan pengurusan bajet dan perbelanjaan di peringkat negeri masing-masing. Garis panduan ini dikemas kini dari semasa ke semasa bagi tujuan menyeragamkan pengurusan bajet dan perbelanjaan di peringkat negeri masing-masing.
- 3.1.6 CITF MOSTI juga telah **melaksanakan pemantauan dan naziran kewangan di CITF peringkat negeri dan daerah serta agensi di bawah Kementerian lain yang berkaitan** [Jabatan Belia dan Sukan - Sukarelawan Pembantu Vaksin Malaysia (MyVAC), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) - kawalan keselamatan]. Pemantauan perbelanjaan melalui **pelaporan daripada CITF Negeri/Agenzi juga dikemukakan kepada MOF** secara berkala pada setiap minggu dan bulanan.
- 3.1.7 Laporan **perbelanjaan perolehan vaksin COVID-19** dan **pelaksanaan PICK** adalah seperti di **Jadual 1**.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

**Jadual 1  
Perbelanjaan Perolehan Vaksin COVID-19 dan Pelaksanaan PICK  
Data sehingga 31 Disember 2021**

SKOP PERBELANJAAN	PERUNTUKAN YANG DISEDIAKAN			PERBELANJAAN			BAKI KESELURUHAN (RM Juta)
	KKM (RM Juta)	MOSTI (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	KKM (RM Juta)	MOSTI <sup>1</sup> (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	
Perolehan Vaksin dan Logistik Vaksin	3,900.0	-	3,900.0	3,855.4	-	3,855.4	44.6
Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)	900.0	1,000.0	1,900.0	570.1	537.5	1,107.6	792.4
<b>JUMLAH</b>	<b>4,800.0</b>	<b>1,000.0</b>	<b>5,800.0</b>	<b>4,425.5</b>	<b>537.5</b>	<b>4,963.0</b>	<b>837.0</b>

**NOTA:**

1. Perbelanjaan PICK MOSTI adalah sehingga 31 Oktober 2021 sebelum peralihan CITF ke KKM.

**3.1.8 Laporan perolehan vaksin COVID-19 untuk dewasa/remaja dan kanak-kanak (5 hingga bawah 12 tahun) adalah seperti di Jadual 2 dan Jadual 3.**

**Jadual 2  
Laporan Perolehan Vaksin COVID-19 Untuk Dewasa/Remaja**

BIL.	JENIS VAKSIN	BIL. DOS/LIPUTAN POPULASI*	KUANTITI YANG TELAH DITERIMA	BAKI KUANTITI
1.	COVAX Facility	<b>6,400,000 dos</b> <b>10% (3.2 juta penduduk)</b>	1,387,200	5,012,800
2.	Pfizer & BioNTech	<b>44,799,300 dos</b> <b>70% (22.4 juta penduduk)</b>	44,799,300	-
3.	AstraZeneca	<b>6,400,000 dos</b> <b>10% (3.2 juta penduduk)</b>	6,400,000	-
4.	Sinovac	<b>20,400,000 dos</b> <b>31.88% (10.2 juta penduduk)</b>	20,400,000	-
5.	CanSino	<b>3,500,000 dos</b> <b>10.9% (3.5 juta penduduk)</b>	3,500,000	-
	<b>JUMLAH</b>	<b>81,499,300 dos</b> <b>133.52% (42.7 juta penduduk)</b>	<b>76,486,500</b>	<b>5,012,800</b>

**NOTA:**

1. Kontrak perjanjian bagi perolehan vaksin Gamaleya telah *null and void* pada 23 November 2021 dan dikeluarkan daripada data perolehan vaksin COVID-19.
2. Pengesahan perolehan vaksin di bawah Fasiliti COVAX hanya untuk vaksin Astrazeneca berjumlah 1.387 juta dos dan Janssen berjumlah 453,600 dos. Baki 4.56 juta dos daripada 6.4 juta dos yang sepatutnya diperoleh melalui Fasiliti COVAX masih menunggu pengesahan daripada Fasiliti COVAX\*.
3. Kemas kini data hingga 2 Mac 2022.
4. Maklumat tersebut adalah tertakluk kepada *Non Disclosure Agreement* (NDA) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan pengeluar vaksin COVID-19

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA*

**Jadual 3**  
**Laporan Perolehan Vaksin COVID-19 Untuk Kanak-kanak**  
**(5 Hingga Bawah 12 Tahun)**

BIL.	JENIS VAKSIN	BIL. DOS	KUANTITI YANG TELAH DITERIMA	BAKI KUANTITI
1.	Pfizer & BioNTech (Vaksin kanak-kanak 5 hingga bawah 12 tahun)	<b>6,600,000</b>	2,238,000	4,362,000

**NOTA:**

1. Kemas kini data hingga 2 Mac 2022.
2. Maklumat tersebut adalah tertakluk kepada *Non Disclosure Agreement* (NDA) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan pengeluar vaksin COVID-19.
3. Perolehan tahun 2022.

**Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum perkara-perkara berikut:

- i. Jumlah keseluruhan perbelanjaan Perolehan Vaksin dan Pelaksanaan PICK ialah RM4,963 juta. Manakala lebihan peruntukan bagi perolehan vaksin yang telah di peruntukan kepada MOSTI sebelum ini berjumlah RM462.5 juta telah dipindahkan penggunaannya kepada KKM.
- ii. Mesyuarat di peringkat KKM yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan telah diadakan setiap minggu bertujuan untuk memantau kedudukan stok vaksin dan tempoh jangka hayat vaksin tersebut. Status baki dos vaksin mengikut pengeluar sehingga 17 Mac 2022 adalah seperti jadual di bawah.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

## **STATUS BAKI DOS VAKSIN (MENGIKUT PENGELUAR) SEHINGGA 17 MAC 2022**

Jenis vaksin	Fasiliti	Mar-22	Apr-22	May-22	Jun-22	Jul-22	Aug-22	Sep-22	Oct-22	Nov-22	Dec-22	Jan-23	JUMLAH
Astrazeneca	PSV/PPV Awam	0	95,528	746,561	0	0	0	0	0	0	0	0	842,089
	Syarikat Perkhidmatan Logistik	0	0	2,342,000	0	0	0	0	0	0	0	0	2,342,000
	Total	0	95,528	3,088,561	0	0	0	0	0	0	0	0	3,184,089
Comirnaty	PSV/PPV Awam	151,806	23,404	29,692	0	4,267,895	0	0	0	0	0	0	4,472,797
Convidecia	PSV/PPV Awam	0	0	1,563	0	45,777	94,496	0	0	0	0	0	141,836
	Syarikat Perkhidmatan Logistik	0	0	0	0	0	128,400	2,100,000	900,000	0	0	0	3,128,400
	Total	0	0	1,563	0	45,777	222,896	2,100,000	900,000	0	0	0	3,270,236
Coronavac	PSV/PPV Awam	0	66,972	186	0	4,916	0	0	0	800	107,506	382,712	567,844
	Syarikat Perkhidmatan Logistik	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1,756,000	1,756,000
	Total	0	66,972	186	0	4,916	0	0	0	800	107,506	2,138,712	2,323,844
Grand Total		151,806	185,904	3,120,002	0	4,318,588	222,896	2,100,000	900,000	800	107,506	2,138,712	13,250,966

**3.2 Syor 2: Kerajaan perlu mengambil tindakan proaktif dalam memuktamadkan pembelian vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak (5-11 tahun) termasuk meletakkan wang tempahan (*strategic bet*) sekiranya perlu, untuk menjamin penghantaran vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak tidak akan terlewat.**

### **Maklum Balas MOSTI/KKM**

3.2.1 Kerajaan telah menandatangani dokumen perjanjian *Amendment No. 5 to Manufacturing and Supply Agreement* (AMSA#5) bersama pihak Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd. pada **11 Januari 2022** melibatkan **perolehan vaksin COMIRNATY 10mcg Concentrate for Dispersion for Injection** untuk kegunaan kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun. Perolehan bagi vaksin ini melibatkan sebanyak **6.6 juta dos** untuk kegunaan **3.3 juta kanak-kanak (80% daripada keseluruhan populasi kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 tahun)**. Perincian anggaran keperluan vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak 5 hingga bawah 12 tahun serta perbezaan vaksin COVID-19 dewasa/remaja dan kanak-kanak (5 hingga bawah 12 tahun) adalah seperti di **Jadual 4** dan **Jadual 5**.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGANAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

**Jadual 4  
Perincian Anggaran Keperluan Vaksin COVID-19  
Untuk Kanak-kanak 5 Hingga Bawah 12 Tahun**

KELAHIRAN HIDUP			ANGGARAN KEPERLUAN VAKSIN COVID-19 KANAK-KANAK							
			Penerimaan 100%		Penerimaan 90%		Penerimaan 80%			
Umur (Tahun)	Tahun Kelahiran	Bil. Kanak-Kanak	Bil. Kanak-Kanak	Bil. Dos	Bil. Kanak-Kanak	Bil. Dos	Bil. Kanak-Kanak	Bil. Dos	Bil. Kanak-Kanak	Bil. Dos
5	2017	508,685	508,685	1,017,370	457,817	915,633	406,948	813,896		
6	2016	508,203	508,203	1,016,406	457,383	914,765	406,562	813,125		
7	2015	521,136	521,136	1,042,272	469,022	938,045	416,909	833,818		
8	2014	528,612	528,612	1,057,224	475,751	951,502	422,890	845,779		
9	2013	503,914	503,914	1,007,828	453,523	907,045	403,131	806,262		
10	2012	508,800	508,800	1,017,600	457,920	915,840	407,040	814,080		
11	2011	511,600	511,600	1,023,200	460,440	920,880	409,280	818,560		
12	2010	491,200	491,200	982,400	442,080	884,160	392,960	785,920		
<b>JUMLAH</b>			<b>4,082,150</b>	<b>8,164,300</b>	<b>3,673,935</b>	<b>7,347,870</b>	<b>3,265,720</b>	<b>6,531,440</b>		
<b>JUMLAH DOS DIPERLUKAN</b>			<b>8,164,300</b>		<b>7,347,870</b>		<b>6,531,440</b>			

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara

**Jadual 5  
Perbezaan Vaksin COVID-19 Untuk Dewasa/Remaja Dan  
Kanak-kanak 5 Hingga Bawah 12 Tahun Keluaran Pfizer BioNTech**

ITEM	VAKSIN DEWASA/REMAJA	VAKSIN KANAK-KANAK (5 HINGGA BAWAH 12 TAHUN)
Jenis Vaksin	 <b>COMIRNATY 30mcg Concentrate for Dispersion for Injection</b>	 <b>COMIRNATY 10mcg Concentrate for Dispersion for Injection</b>
Formulasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dosage: 30mcg</li> <li>Injectable volume: 0.3ml</li> <li>Diluent: 1.8ml of 0.9% sodium chloride</li> <li>Multidose vial: 6 doses per vial</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dosage: 10mcg</li> <li>Injectable volume: 0.2ml</li> <li>Diluent: 1.3ml of 0.9% sodium chloride</li> <li>Multidose vial: 10 doses per vial</li> </ul>
Dos per Vial	6 dos per vial	10 dos per vial
Kontrak Ditandatangani	11 Januari 2021	11 Januari 2022

**NOTA:**

1. Maklumat tersebut adalah tertakluk kepada Non Disclosure Agreement (NDA) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan Pfizer (M) Sdn. Bhd.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA*

**3.2.2 Penghantaran kelompok pertama** vaksin COMIRNATY 10mcg Concentrate for Dispersion for Injection adalah pada **28 Januari 2022** dan penghantaran seterusnya adalah secara berperingkat adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Jadual Penghantaran Vaksin COVID-19 Untuk Kanak-kanak**  
**5 Hingga Bawah 12 Tahun**

TARIKH PENGHANTARAN	KUANTITI (DOS)	KUANTITI TELAH TERIMA (DOS)	BAKI KUANTITI BELUM TERIMA (DOS)
28 Januari 2022	624,000	624,000	
7 Februari 2022	498,000	498,000	-
14 Februari 2022	558,000	558,000	-
21 Februari 2022	558,000	558,000	-
3 Mac 2022	552,000	-	552,000
4 April 2022	552,000	-	552,000
11 April 2022	552,000	-	552,000
18 April 2022	1,110,000	-	1,110,000
Belum Disahkan	1,596,000	-	1,596,000
<b>JUMLAH</b>	<b>6,600,000</b>	<b>2,238,000</b>	<b>4,362,000</b>

**NOTA:**

1. Kemas kini data hingga 2 Mac 2022.

**3.2.3 Program Imunisasi Covid-19 Kids (PiCKids)** bagi kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun telah **bermula pada 3 Februari 2022. Status vaksinasi hingga 6 Mac 2022** adalah **28.9%**. Perincian status vaksinasi COVID-19 untuk kanak-kanak 5 hingga bawah 12 tahun mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 7**.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

**Jadual 7  
Perincian Status Vaksinasi COVID-19 Untuk Kanak-kanak 5 Hingga Bawah 12  
Tahun Mengikut Negeri Sehingga 6 Mac 2022**

DATA KUMLUATIF : 3 FEB -6 MAC 2022		DOS 1								
NEGERI	DAERAH	5 TAHUN	6 TAHUN	7 TAHUN	8 TAHUN	9 TAHUN	10 TAHUN	11 TAHUN	JUMLAH	%
MALAYSIA	3,550,500	86,249	111,719	146,310	150,773	172,659	177,011	182,011	1,026,732	28.9
W.P. Kuala Lumpur	158,300	12,394	14,786	16,718	16,198	18,096	17,482	17,241	112,915	71.3
Sarawak	286,000	10,264	15,437	22,644	24,794	27,909	29,020	28,056	158,124	55.3
Melaka	98,200	3,585	4,522	5,625	5,621	6,461	6,603	7,222	39,639	40.4
Pulau Pinang	155,600	5,565	7,205	8,632	8,523	10,394	10,248	9,233	59,800	38.4
Johor	409,800	11,223	14,623	21,204	21,774	25,355	25,754	26,931	146,864	35.8
Negeri Sembilan	117,200	2,567	3,531	5,242	5,556	6,177	6,481	7,083	36,637	31.3
Perak	239,700	5,535	7,349	10,225	10,833	12,764	13,575	14,356	74,637	31.1
W.P. Labuan	11,700	285	362	416	536	571	614	638	3,422	29.2
Selangor	715,400	20,855	25,177	28,349	27,342	31,069	30,602	29,597	192,991	27.0
Pahang	192,600	3,104	4,029	5,765	6,003	7,087	7,383	8,638	42,009	21.8
Perlis	29,100	414	597	867	903	994	1,106	1,183	6,064	20.8
W.P. Putrajaya	21,400	224	360	573	599	737	840	877	4,210	19.7
Kedah	254,100	3,160	4,120	5,946	6,500	7,589	8,227	9,433	44,975	17.7
Sabah	411,000	5,366	6,979	9,223	9,761	11,010	11,466	11,855	65,660	16.0
Terengganu	178,700	835	1,148	2,177	2,494	2,800	3,143	4,133	16,730	9.4
Kelantan	271,700	873	1,494	2,704	3,336	3,646	4,467	5,535	22,055	8.1

Sumber: Malaysian Vaccination System dan MySejahtera

### **Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum terhadap tindakan yang telah diambil.

- 3.3 Syor 3: Kerajaan perlu memastikan kelestarian dana KWAN demi menjamin kesejahteraan generasi akan datang. MOF perlu memastikan segala perbelanjaan Kerajaan diambil kira dalam anggaran belanjawan negara dengan jelas setiap tahun.**

### **Maklum Balas MOF**

- 3.3.1 Penggunaan dana KWAN untuk PICK adalah dianggap kritikal dalam mempercepatkan serta membantu negara dalam pemerolehan vaksin, dan selanjutnya membantu pemulihan ekonomi negara dan juga kesejahteraan rakyat. Penggunaan dana KWAN ini juga selaras dengan objektif penubuhan

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

KWAN iaitu untuk memastikan penggunaan optima pendapatan daripada hasil sumber-sumber asli negara yang menyusut agar dapat memberi sumber pendapatan yang berterusan dan stabil **demi faedah negara dan generasi akan datang**. Selain itu, Akta KWAN juga memperuntukkan bahawa dana KWAN ini boleh digunakan bagi tujuan yang dinyatakan dalam akta selepas tamat tempoh sepuluh (10) tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta KWAN 1988 (boleh digunakan bermula tahun 1998).

- 3.3.2 Jumlah dana terkumpul KWAN sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM20.9 bilion dan penggunaan dana KWAN bagi membiayai program vaksinasi tidak mengguna pakai jumlah prinsipal KWAN yang berjumlah RM10.4 bilion. Setelah ekonomi negara kembali stabil, usaha penambahan semula dana KWAN perlu dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan. Komitmen daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk turut mengambil bahagian dalam inisiatif menambah baik dana KWAN pasca pemulihan ekonomi adalah amat penting untuk memastikan dana KWAN dapat menjalankan peranannya seperti yang termaktub di dalam Akta.

### **Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum perkara berikut:

- i. Jemaah Menteri telah meluluskan kenaikan siling KWAN untuk vaksin daripada RM5 bilion kepada RM6 bilion pada bulan Oktober 2021 yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa penggulungan Bajet 2022 di Dewan Negara pada 21 Disember 2021. Peningkatan siling penggunaan KWAN daripada RM5 bilion kepada RM6 bilion mengambil kira keperluan dos *booster* dan juga daripada segi umur penerima yang telah diturunkan termasuk kanak-kanak.
  
- ii. Jumlah perbelanjaan sebenar PICK sehingga 8 Mac 2022 ialah RM4.96 bilion di mana daripada jumlah tersebut RM800 juta dibiayai melalui Kumpulan Wang COVID-19.

- 3.4 **Syor 4: Kerajaan perlu menetapkan harga siling Sinovac yang dijual dalam *Private Vaccine Market* dengan segera dan memastikan harga siling tersebut tidak memberikan keuntungan melampau kepada pembekal.**

**Maklum Balas MOSTI/KKM**

- 3.4.1 Kerajaan telah **mewartakan penetapan harga maksimum borong dan runcit bagi vaksin CoronaVac (keluaran Sinovac atau Pharmaniaga Lifescience) dan Covilo (keluaran Sinopharm)** yang dijual dalam *Private Vaccine Market* berkuat kuasa pada 15 Januari 2022. Harga maksimum runcit ini **tidak termasuk caj perkhidmatan dan barangang pakai buang**.
- 3.4.2 Penetapan **harga maksimum borong bagi vaksin CoronaVac adalah RM62/dos** manakala **vaksin Covilo adalah RM49/dos**. Bagi **harga maksimum runcit pula, vaksin CoronaVac adalah RM77/dos** manakala **vaksin Covilo adalah RM61/dos**.
- 3.4.3 **Penetapan harga maksimum vaksin COVID-19 ini dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).**

**Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum tindakan susulan seperti di atas.

Setelah diminta oleh PAC pihak KKM telah mengemukakan maklumat berkenaan kuantiti vaksin yang telah dijual sebelum dan selepas penetapan harga siling seperti berikut:

- i. Maklumat kuantiti vaksin yang telah dijual **sebelum** pewartaan penetapan harga siling, iaitu mulai 1 Ogos 2021 sehingga 15 Januari 2022 adalah seperti berikut:

Bil	Vaksin dan Syarikat Pengeluar	Bilangan Dos
1.	Vaksin <b>CoronaVac</b> daripada Pharmaniaga Logistik Sdn. Bhd.	<b>2,208,320</b>
2.	Vaksin <b>COVIGO</b> daripada Duopharma Marketing Sdn. Bhd.	<b>41,100</b>

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGANAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA**

- ii. Manakala kuantiti vaksin yang telah dijual **selepas** pewartaan penetapan harga siling, daripada 15 Januari 2022 sehingga 8 Mac 2022 adalah seperti berikut:

Bil	Vaksin dan Syarikat Pengeluar	Bilangan Dos
1.	Vaksin <b>CoronaVac</b> daripada Pharmaniaga Logistik Sdn. Bhd.	<b>48,120</b>
2.	Vaksin <b>COVIGO</b> daripada Duopharma Marketing Sdn. Bhd.	<b>210</b>

- 3.5 Syor 5: Kerajaan tidak harus membuat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera kerana pembangunannya adalah bersifat CSR. Kerajaan hendaklah mengambil alih pengoperasian aplikasi MySejahtera tanpa melibatkan apa-apa kos tambahan memandangkan ia telah menjadi sebahagian daripada sistem kesihatan negara.**

**Maklum Balas MOSTI/KKM**

- 3.5.1 Negara mula bergelut dengan pandemik COVID-19 yang mana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diperkenalkan pada 18 Mac 2020. Bagi membantu menangani pandemik ini, Kerajaan menyedari bahawa penggunaan teknologi adalah amat penting dan idea pembangunan aplikasi **MySejahtera** telah tercetus bagi tujuan pengesanan kontak dan penilaian kesihatan kendiri bagi mengetahui status penilaian kesihatan dalam menangani pandemik COVID-19. Tujuan utamanya adalah untuk mengurangkan beban kepada fasiliti kesihatan dengan membolehkan **pengguna melaksanakan penilaian kendiri tanpa perlu hadir ke klinik/hospital**.
- 3.5.2 Bagi menyegerakan pembangunan aplikasi ini, Kerajaan telah berbincang dengan pihak swasta dan hasilnya, pihak **KPISoft Sdn. Bhd.** telah **bersetuju** untuk membantu negara **bagi pembangunan asas aplikasi MySejahtera dengan serta merta** dalam berbentuk **CSR bagi tempoh satu (1) tahun** iaitu bermula pada 27 Mac 2020 dan berakhir pada 31 Mac 2021.
- 3.5.3 Walau bagaimanapun, keperluan dalam mengawal wabak COVID-19 di Malaysia sentiasa berubah berdasarkan perkembangan semasa. Selaras dengan itu, aplikasi MySejahtera telah ditambah baik dan berkembang dengan

pantas, berbanding dengan tujuan asal pembangunan MySejahtera. Kini, **aplikasi MySejahtera mempunyai lebih daripada 10 modul dan hingga kini sebanyak 38 juta pengguna berdaftar yang terdiri daripada warganegara, bukan warganegara dan juga pengembara.**

- 3.5.4 **Mesyuarat JKJAV Bil. 1/2021 pada 7 Januari 2021** memutuskan supaya **aplikasi MySejahtera digunakan** sebagai salah satu daripada kaedah **pendaftaran dalam PICK**. Fungsi aplikasi MySejahtera telah diperluaskan dengan pembangunan modul pendaftaran vaksin yang dirangkaikan dengan *Malaysian Vaccine Administration System* (MyVAS). Sistem MyVAS yang turut dibangunkan oleh KPISoft Sdn. Bhd. adalah sistem pentadbiran vaksin yang ditempatkan di semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan pelengkap kepada aplikasi MySejahtera. **Modul pendaftaran vaksin dalam aplikasi MySejahtera dan sistem MyVAS telah dilancarkan pada 24 Februari 2021** dan terus ditambah baik secara berterusan selaras dengan strategi negara dalam menguruskan penularan COVID-19 termasuk PICK.
- 3.5.5 **Penggunaan berkesan aplikasi MySejahtera** dalam program vaksinasi di bawah PICK telah menyumbang kepada kejayaan negara mengawal pandemik COVID-19 dengan **kadar vaksinasi negara antara yang tertinggi di dunia**.
- 3.5.6 Menyedari kepentingan MySejahtera sebagai aplikasi nasional dalam pengurusan pandemik COVID-19 dan potensi aplikasi ini untuk diperkembangkan dalam mempertingkatkan lonjakan pendigitalan kepada sektor kesihatan negara, Kerajaan telah **memutuskan** untuk membuat **pembayaran bagi perkhidmatan MySejahtera bermula daripada 1 April 2021 (selepas tamat tempoh CSR)**. Penilaian bagi kaedah dan jumlah pembayaran akan dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan turut dianggotai oleh KKM, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Majlis Keselamatan Negara (MKN), JPM.
- 3.5.7 MySejahtera adalah satu **aplikasi massa** (*mass application*) yang **kompleks** dan pertama seumpamanya di Malaysia, yang sentiasa ditambah dengan **pelbagai fungsi baharu berdasarkan keperluan semasa yang memerlukan**

**pembangunan dan penyelenggaraan berterusan.** Walaupun **pembangunan asas aplikasi MySejahtera** dibangunkan secara **CSR**, **kos seperti kepakaran dan perkhidmatan membangunkan setiap modul baharu perlu dibayar kerana ia telah jauh berubah daripada skop kerja asal yang telah dipersetujui** sewaktu negara mula dilanda pandemik COVID-19.

- 3.5.8 Kini, **KKM sebagai pemilik MySejahtera** telah menubuhkan satu **Jawatankuasa Pemandu MySejahtera** yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan dengan keahlian pelbagai pihak seperti MOSTI, MAMPU, JPM, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) serta SKMM untuk **tujuan tadbir urus dan hala tuju MySejahtera termasuklah dalam mempertimbangkan kos** dibandingkan dengan manfaat untuk pengambilalihan MySejahtera secara sepenuhnya.

### **Ulasan PAC**

**YBhg. Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Perolehan Kerajaan)] MOF** memaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2021 bersetuju memberikan kelulusan kepada KKM melantik syarikat MYSJ Sdn. Bhd. secara rundingan terus bagi tujuan memurnikan semula proses perolehan aplikasi MySejahtera. Walau bagaimanapun KKM perlu melaksanakan *due diligence* terhadap syarikat yang hendak dilantik.

PAC membangkitkan persoalan bagaimana pemilikan aplikasi MySejahtera dipindah daripada KPISoft Malaysia Sdn. Bhd. kepada MYSJ Sdn. Bhd. PAC berpandangan bahawa pelantikan secara rundingan terus kepada sebuah syarikat baharu tidak harus berlaku dan sekiranya KKM ingin memberikan kontrak tersebut kepada mana-mana syarikat yang lain selain KPISoft, maka KKM perlu mematuhi segala tatacara perolehan yang telah pun ditetapkan, sama ada secara rundingan terus dengan kebenaran daripada Menteri Kewangan, tender terbuka ataupun sebut harga. Kerajaan haruslah menjamin kepentingan kewangan negara dalam setiap keputusan yang diambil.

PAC juga telah dimaklumkan bahawa segala data dalam MySejahtera dan kerahsiaannya adalah dalam kawalan KKM.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI),  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 15/2021) BERHUBUNG  
PEROLEHAN VAKSIN COVID-19 DAN PENGGUNAANNYA TERHADAP RAKYAT MALAYSIA*

Selain itu, KKM juga hendaklah memberikan pandangan dan juga penekanan yang serius terhadap syor di perenggan 3.5 berkenaan pengambil alihan aplikasi MySejahtera.

#### **4 PENUTUP**

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh MOSTI/KKM/MOF selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

#### **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14**

# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Tindakan Susulan Kementerian pada Selasa, 8 Mac 2022**



MALAYSIA

# LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 8 Mac 2022

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**LAPORAN TINDAKAN SUSULAN:  
Perolehan Vaksin COVID-19 dan Penggunaannya  
Terhadap Rakyat Malaysia**

**1. Kementerian Kewangan**

Datuk Johan Mahmood Merican,  
Pengarah Belanjawan Negara

**2. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan,  
Ketua Setiausaha

**3. Kementerian Kesihatan**

Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

**PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 8 MAC 2022**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*  
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah - *Timbalan Pengerusi*  
binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]  
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]  
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam]  
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]  
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]  
YB. Dato Haji Salim Sharif [Jempol]  
YB. Dato Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]  
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Zarinah binti Mat Jailani [Peguam Kanan Persekutuan]

**Kementerian Kewangan**

Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian (Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

(samb/-)

**HADIR BERSAMA (samb/-)****Jabatan Audit Negara**

Tuan Haji Y. Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Audit]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Zyerullida binti Shaharuddin [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah**

Tuan Mohamad Khairol bin Mohamad [Pegawai Siasatan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

**Unit Perancang Ekonomi**

Dr. Mohd Shaharin bin Umar [Pengarah Bahagian (Perkhidmatan Sosial)]

**SAKSI****Kementerian Kewangan**

Datuk Johan Mahmood Merican [Pengarah Belanjawan Negara]

Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Perolehan Kerajaan)]

Encik Afizal bin Kasa [Ketua Seksyen Belanjawan]

**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan [Ketua Setiausaha]

Puan Ruziah binti Shafei [Setiausaha Bahagian (Perancangan Strategik)]

Puan Nur Azlin binti Mohamad Awal [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]

Puan Siti Salmiah binti Haji Dimyati [Timbalan Setiausaha Bahagian (Teknologi Strategik dan Aplikasi)]

Puan Yadupriya Devi Satinarayanan [Penolong Setiausaha (Kewangan)]

**Kementerian Kesihatan**

Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

Encik Wan Hashim bin Wan Rahim [Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)]

Encik Mohd Fauzee bin Abd Majid [Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Penswastaan)]

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Sektor Pengurusan Bencana Wabak, Krisis dan Kecemasan, Bahagian Kawalan Penyakit)]

Puan Norhaliza binti A. Halim [Pengarah Kanan (Program Perkhidmatan Farmasi)]

Dr. Roshayati binti Mohamad Sani [Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)]

Puan Fatkhiah binti Hj Khalil [Timbalan Pengarah (Cawangan Pengurusan Harga Ubat, Program Perkhidmatan Farmasi)]

Dr. Mohd Hanif bin Zailani [Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Ketua Sektor Kawalan VPD dan FWBD, Bahagian Kawalan Penyakit)]

---

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA**

**Selasa, 8 Mac 2022**

**Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia,  
Kuala Lumpur**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.43 petang**

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita memulakan mesyuarat pada petang ini ya. Maaf kerana tadi ramai ahli ada dalam Dewan untuk memastikan 2.30 petang ada kuorum yang cukup. Okey, salam sejahtera, selamat petang dan selamat datang saya ucapan kepada ahli-ahli PAC sekalian. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada petang ini. Selamat datang juga saya ucapan kepada kesemua ahli ex-officio PAC daripada AGC, JPA, MOF, JAN, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan UPE.

Petang ini PAC akan mendengar pembentangan tindakan susulan Pegawai Pengawal terhadap syor laporan PAC berhubung Perolehan Vaksin COVID-19 dan Penggunaannya Terhadap Rakyat Malaysia di bawah Kementerian Kewangan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Laporan PAC ini dibentangkan pada 1 Disember yang lepas setelah kita mengadakan empat prosiding bermula dengan prosiding pertama 5 Januari 2021 sehingga 2 Ogos 2021.

Hadir di hadapan PAC pada petang ini adalah Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha MOSTI. Terima kasih Datuk kerana hadir. Yang Berbahagia Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh, TKSU KKM yang memangku jawatan KSU KKM yang masih belum diisi selepas Yang Berbahagia Dato' Sri Mohd Syafiq bin Abdullah dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 10 Februari 2022. Hadir juga Yang Berbahagia Datuk Johan bin Mahmood Merican, Pengarah Belanjawan Negara yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Seri Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada hari ini.

Terima kasih kepada semua saksi atas kehadiran. Apabila kita mengimbas kembali Laporan Jawatankuasa PAC berkenaan dengan tajuk ini, kita telah pun menggariskan lima syor, mengemukakan lima syor dalam laporan dan kesemua ini berkehendakkan maklum balas dan tindakan susulan yang diambil oleh Pegawai

Pengawal untuk setiap satu syor. Saya dimaklumkan oleh pihak Sekretariat bahawa Yang Berbahagia Datuk Johan perlu hadir ke suatu mesyuarat yang lain pada lebih kurang jam 3.30 petang. Sekiranya Datuk Johan hendak meninggalkan mesyuarat ini lebih awal maka kita akan mulakan dengan pembentangan tindakan susulan oleh Pegawai Pengawal MOF terhadap syor PAC. Selepas itu saya akan menjemput Datuk KSU MOSTI dan juga KKM untuk memberikan pembentangan terhadap tindakan susulan.

Maka tanpa membuang masa saya dengan ini mungkin memulakan mesyuarat pada petang ini dengan menjemput Yang Berbahagia Datuk Johan untuk memberikan atau saya... Datuk Johan dulu ya.

**Datuk Johan Mahmood Merican [Pengarah Belanjawan Negara]:** Ya, okey.

**Tuan Pengerusi:** Datuk Johan untuk memberikan maklum balas bagi pihak MOF.

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat PAC. Terima kasihlah kerana mengizinkan pihak kami untuk memberikan penerangan dahulu. Pihak kami, Kementerian Kewangan adalah untuk menjawab pada syor 7.3 berhubung dengan kerajaan memastikan kelestarian dana dan juga daripada segi memastikan perbelanjaan kerajaan diambil kira dalam anggaran perbelanjaan negara setiap tahun.

Mungkin izinkan kami, pihak Kementerian Kewangan bermula dengan menyatakan bahawa pihak kami berpandangan bahawa penggunaan dana KWAN untuk PICK adalah amat wajar kerana melibatkan keperluan kritikal untuk negaralah. Dengan kekangan fiskal negara yang agak kritikal, penggunaan dana KWAN yang membolehkan satu peruntukan khusus dapat menyegerakan pemerolehan vaksin dan selanjutnya membantu pemulihan ekonomi dan juga menjamin kesejahteraan rakyat.

Penggunaan ini juga, kami juga hendak *on record* bahawa ialah selaras dengan objektif KWAN iaitu mengoptimumkan sumber asli negara untuk generasi akan datanglah. Sememangnya vaksin memelihara lahir kebaikan dan kepentingan generasi masa depan. Dalam Akta KWAN ia memperuntukkan sebuah dana KWAN itu hanya dapat digunakan selepas tamat 10 tahun daripada tarikh permulaan. So, ini merujuk bahawa generasi pada masa ini adalah selepas tarikh tersebut dengan itu boleh digunakan.

Saya juga ingin menyatakan bahawa jumlah dana KWAN sehingga 31 Disember ialah RM20 bilion sebab yang ini disumbangkan oleh sumbangan prinsipal

---

sebanyak RM10.4 bilion daripada PETRONAS yang bezanya ialah pulangan daripada pelaburan. Dengan itu dalam konteks syor kelestarian KWAN pihak kami tidak menyentuh prinsipallah. Kami hanya menggunakan sebahagian daripada pulangan pelaburan KWAN. Setelah ekonomi negara kembali stabil, terdapat komitmen daripada Kerajaan Persekutuan yang juga melibatkan kerjasama pelbagai pihak untuk menambah semula dana KWAN. Memastikan bahawa ia lebih daripada segi kelestarian untuk masa depan untuk menjalankan peranannya. Juga perlu — mungkin saya tambah sikit bahawa penggunaan KWAN ini adalah satu cara, *one-off* untuk vaksin COVID-19 dan segala lain keperluan Kementerian Kesihatan telah disediakan dalam bajet tahunan termasuk Belanjawan 2022 lah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1450

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Datuk. Datuk boleh memberikan satu *update* kepada Jawatankuasa ini, berapakah jumlah wang yang telah pun digunakan setakat ini? Siling dia RM5 bilion *kan*, kalau tidak silap?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Ada sedikit *update* sehingga hujung tahun 2021 yang diluluskan oleh Kabinet ialah penggunaan sehingga RM5 bilion daripada KWAN tetapi selepas itu, Jemaah Menteri telah meluluskan tambahan RM1 bilion. So, sekarang kelulusan daripada Jemaah Menteri ialah untuk menggunakan sehingga RM6 bilion daripada KWAN. Setakat hari ini, perbelanjaan sebenar berhubung dengan PICK hampir RM5 bilion dari hujung 31 Disember, RM4.96 bilion lebih kurang.

Daripada jumlah tersebut, RM800 juta dibiayai melalui Kumpulan Wang COVID-19, so bezanya lebih kurang RM4.1 bilion lebih adalah daripada KWAN. Akan tetapi berdasarkan keperluan, kami *expect* bahawa RM6 bilion yang telah diluluskan akan dibelanjakan hampir sepenuhnya Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** So, setakat ini adalah lebih kurang RM4.1 bilion lah?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Daripada KWAN.

**Tuan Pengerusi:** Daripada KWAN?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** So, silingnya sekarang siling baharu adalah RM6 bilion?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** RM6 bilion.

**Tuan Pengerusi:** So, kita ada ruang untuk penggunaan lagilah?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Yang Berhormat Lumut sila.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Jumlah asal RM5 bilion itu adalah diambil kira jumlah penduduk termasuk orang luar ya dalam negara ini dan jumlah dos yang mungkin diberikan. Apakah rasional pertambahan RM1 bilion yang diperlukan? Ini kerana kita menjangkakan RM5 bilion itu adalah mencukupi untuk menampung Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ini.

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Terima kasih Yang Berhormat. Antara faktor yang telah diambil kira dengan meningkatkan siling penggunaan KWAN daripada RM5 bilion kepada RM6 bilion adalah mengambil kira keperluan booster dan juga dari segi umur yang telah diturunkan termasuk kanak-kanak.

**Tuan Pengerusi:** Okey, mungkin selepas ini sama ada Datuk KSU MOSTI atau Datuk TKSU KKM boleh menjelaskan sama ada berbanding dengan tempoh apabila kita memuktamadkan laporan dan membentangkan iaitu pada bulan Disember lepas sehingga sekarang, sama ada pihak kerajaan masih ada membuat pembelian tambahan vaksin atau tidak? Mungkin *this one can be addressed later, okay thank you.* So, untuk 7.3 ini ada pertanyaan lanjut? Jika tidak ada, saya – sekejap ya. Ya. Sila.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Saya ingin bertanya mengenai dana KWAN. *Principal amount of RM10 bilion, itu one-off daripada...*

**Datuk Johan Mahmood Merican:** PETRONAS.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** PETRONAS sekali?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Daripada sumbangan – tidak ada beberapa sumbangan...

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Siri.

**Datuk Johan Mahmood Merican:**...Daripada PETRONAS.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Adakah ini berterusan atau sentiasa ada daripada PETRONAS atau mana-mana badan?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Ia daripada semasa ke semasa, ia bukan – ia akan terus membuat sumbangan.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** So...

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Akan tetapi pada masa ini hanya PETRONAS sahajalah tetapi pihak Kerajaan Persekutuan juga akan mengkaji bagaimana untuk mempelbagaikan sumber sumbangan.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Sovereign fund* yang lain tidak menyumbang ya?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Setakat ini...

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** 1MDB contohnya...

---

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Tidak Yang Berhormat, setakat ini hanya PETRONAS.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, hendak tanya berapa kerap sumbangan ini dibuat ke dalam dana?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Minta maaf, mungkin saya semak dahulu nota saya. Saya tidak ingat fakta itu.

**Tuan Pengerusi:** *Okay, can. My next question on the peruntukan tambahan – peruntukan siling dan bahan RM1 bilion itu, bila keputusan itu diluluskan oleh Kabinet?*

**Datuk Johan Mahmood Merican:** *Okay, can I just check dapat?*

**Tuan Pengerusi:** *Sure, sure. No problem.*

**Datuk Johan Mahmood Merican:** *I will come back...*

**Tuan Pengerusi:** *You can interject later.*

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** So, dengan ini saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin, KSU MOSTI untuk memulakan pembentangan bagi pihak MOSTI. Dipersilakan Datuk.

**Datuk Zainal Abidin bin Abdu Hassan [KSU MOSTI]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ahli EXCO. Yang Berhormat, untuk kali ini saya mohon izin – mungkin soalan ini, jawapannya disusun— jawapan kami bersamalah antara MOSTI dan KKM. Mungkin saya akan bacakan jawapan untuk 7.1. Nanti 7.2 saya serahkan kepada Datuk Harjeet. Akan tetapi pada masa yang sama, jika Datuk Harjeet hendak tambah, hendak *interject* dengan izin untuk dibenarkan.

Pada masa yang sama, saya juga memaklumkan – mohon izin untuk hadir bersama-sama saya ialah – sebab TKSU saya pun positif, so yang hadir ialah SUB Perancangan Strategik yang juga adalah bekas Ketua Sekretariat PICK. So, maknanya *detail* apa yang berlaku pada masa itu *she must be able to answer – she should have patut boleh menjawablah*, Puan Ruziah binti Shafei.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Datuk Zainal Abidin bin Abdu Hassan:** Yang Berhormat, untuk syor 7.1 iaitu kerajaan perlu memastikan setiap kementerian yang bertanggungjawab dalam memerangi pandemik COVID-19 menggunakan peruntukan RM5.8 bilion dengan mematuhi segala tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa demi memastikan keutamaan kepada kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

---

Jawapan daripada kementerian, perolehan vaksin COVID-19 bertambah proaktif melalui Gerak Kerja Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang ditubuhkan melalui keputusan Jemaah Menteri pada 14 Oktober 2020 yang bertujuan memastikan bekalan vaksin COVID-19 diperoleh dengan segera, selamat dan sempurna. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pada tahun 2020 dan 2021, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan pemantauan prestasi perbelanjaan terhadap semua pusat tanggungjawab di bawah KKM dan agensi-agensi pelaksana selain KKM dan mengemukakannya kepada Kementerian Kewangan Malaysia setiap minggu. Langkah ini bertujuan untuk memastikan perbelanjaan sehingga ke peringkat negeri dan pusat tanggungjawab (PTJ) adalah mematuhi skop dan tidak melebihi siling kelulusan peruntukan yang diterima daripada MOF.

KKM juga sentiasa berunding dengan MOF untuk mendapatkan pengesahan peruntukan sekiranya terdapat keperluan peruntukan yang di luar skop sedia ada dan membuat pemantauan pelaporan perbelanjaan secara berkala bagi memastikan PTJ mematuhi segala tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa.

Daripada segi aspek perolehan pula, proses perolehan vaksin COVID-19 yang dilaksanakan oleh pihak KKM adalah berpandukan Prosedur Operasi Standard Perolehan Vaksin COVID-19: Bekalan Peralatan dan Penyedia Perkhidmatan Berkaitan bagi Menangani COVID-19 di Malaysia yang telah diluluskan oleh MOF pada 23 November 2020 dan kemudiannya dikemaskinikan pada 18 Disember 2020, 14 Januari 2021, 22 Januari 2021, 9 Mac 2021 dan 16 Disember 2021.

Daripada segi aspek pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, beberapa prosedur dan garis panduan telah diluluskan oleh MOF terhadap SOP dan perolehan di pusat pemberian vaksin (PPV) pada 11 Mac 2021 dan kemudiannya dikemaskinikan pada 16 April 2021 dan 4 Mei 2021.

Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF), MOSTI juga telah mengeluarkan garis panduan pengurusan belanjawan dan perbelanjaan di bawah PICK pada 6 Ogos 2021 bagi tujuan menyeragamkan pengurusan bajet dan perbelanjaan di peringkat negeri masing-masing. Garis panduan ini dikemaskinikan dari semasa ke semasa bagi tujuan menyeragamkan pengurusan bajet dan perbelanjaan di peringkat negeri masing-masing.

---

CITF MOSTI juga telah melaksanakan pemantauan dan naziran kewangan di CITF peringkat negeri dan daerah serta agensi di bawah kementerian lain yang berkaitan iaitu Jabatan Belia Dan Sukan bagi Sukarelawan Pembantu Vaksin Malaysia (MyVac), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk kawalan keselamatan.

■1500

Pemantauan perbelanjaan melalui pelaporan daripada CITF negeri dan agensi juga dikemukakan kepada MoF secara berkala pada setiap minggu dan bulanan. Laporan perbelanjaan perolehan vaksin COVID-19 dan pelaksanaan PICK adalah seperti di Jadual 1 yang kita akan tunjukkan sekarang ini. Laporan pelaksanaan vaksin COVID-19 untuk dewasa, remaja dan kanak-kanak dan hingga bawah 15 tahun adalah seperti di Jadual 2 dan Jadual 3. Yang Berhormat, itu perkara yang dibentangkan daripada pihak MOSTI dan KKM.

**Tuan Pengerusi:** Okey, boleh balik ke Jadual 1 Datuk?

**Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** So, bagi perolehan, so perbelanjaan setakat ini adalah RM3.8 bilion?

**Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan:** Bagi peruntukan yang disediakan perbelanjaannya ialah untuk perolehan vaksin dan logistik vaksin ialah RM3.8 bilion dan program imunisasi iaitu PICK kita sudah belanja RM1.107 bilion dan totalnya RM4.963 bilion dan baki daripada segi peruntukan yang diberikan daripada RM5.8 bilion itu, RM44.6 juta adalah perolehan vaksin dan RM792 juta – bagi perolehan PICK.

Setakat yang dibelanjakan oleh MOSTI ialah RM537.5 juta iaitu program PICK dan selepas 31 Oktober semua kelulusan perbelanjaan telah diserahkan kepada KKM. So, bagi pihak MOSTI semua urusan kewangan kita berhenti sehingga 31 Oktober 2021. Itulah setakat yang dari MOSTI yang boleh dijelaskan untuk setakat ini Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** So, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Lumut, satu soalan daripada saya. So, sekarang kita tahu selepas 31 November 2021.

**Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan:** Oktober.

**Tuan Pengerusi:** Oktober 2021, program PICK telah pun dipindah secara keseluruhan kepada KKM. Dari segi peruntukan, saya nampak bagi MOSTI ada satu *balance* ataupun baki sebanyak RM462 juta lagi dengan siling. So, sama ada siling tersebut akan dipindah penggunaan bagi KKM kah tidak?

**Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan:** Ya, pindah semua.

**Tuan Pengerusi:** So, akan dipindah?

**Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan:** Memang telah dipindah pun.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lumut, sila.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Datuk, saya hendak bertanya sikit. Sebelum Garis Panduan Pengurusan Belanjawan dan Perbelanjaan di bawah PICK pada 6 Ogos dikeluarkan, apakah garis panduan yang digunakan oleh program ini ya?

**Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan:** Kalau dibenarkan Puan Ruziah boleh jawab.

**Puan Ruziah binti Shafei [Setiausaha Bahagian (Perancangan Strategik)]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk KSU, Yang Berhormat. Pada permulaan setelah kita mendapat peruntukan daripada MoF, kita melaksanakan perolehan secara biasa sebagaimana yang dilaksanakan mengikut perolehan kerajaan. Walau bagaimanapun, memandangkan program yang kita laksanakan ini melibatkan pembukaan PPV-PPV di pusat-pusat yang telah ditetapkan menyebabkan kita telah memohon kelulusan SOP pertama iaitu SOP perolehan di pusat pemberian vaksin pada 11 hari bulan Mac 2021.

Sebenarnya itu adalah punca kuasa utama untuk MOSTI berbelanja. Ini yang kita gunakan di mana di situ disenaraikan senarai-senarai item yang boleh disewa untuk kegunaan PPV juga senarai-senarai perkara yang dilibatkan di bawah PPV selain daripada syarat-syarat perbelanjaan yang perlu dipatuhi dan juga had belanja yang perlu dipatuhi.

So, garis panduan yang kita keluarkan itu lebih kepada pengurusan dalaman untuk kita memaklumkan kepada negeri-negeri yang mana kita salurkan peruntukan untuk mereka melaksanakan pengurusan PPV di peringkat negeri bagi membolehkan keseragaman di semua peringkat. Sebenarnya SOP itu dikeluarkan oleh MOSTI. Sebab sebelum itu kita yang menguruskan. Memang di peringkat persekutuan menguruskan kemudian baru kita salurkan peruntukan terus kepada negeri.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Agaknya ini termasuk peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen macam itu ya?

**Puan Ruziah binti Shafei:** Ya, betul. Termasuk.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Termasuk.

---

**Tuan Pengerusi:** Okey Datuk. Saya perhatikan Jadual 3 ya, laporan perolehan vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak. So, lima tahun hingga 12 tahun. So, boleh tidak bagi memberitahu kepada jawatankuasa ini berapakah kos satu dos bagi kanak-kanak dalam Ringgit Malaysia?

**Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan:** Ini Kementerian Kesihatan tahu.

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Kesihatan ya, boleh.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]:** Ya, ini sudah dimasukkan nanti di Power Point yang jawapan kepada perkara ini dalam slaid sebentar lagi. Sudah ada, slaid nombor 11 nanti.

**Tuan Pengerusi:** Ada ya?

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, nanti tunjuk ya. Okey, mungkin saya ajukan soalan lanjut saya kepada Datuk TKSU KKM ya berkenaan dengan pelaksanaan PICK. So, kita tahu selepas pemberian dos kedua lengkap bagi *overall* apabila pemberian dos kedua telah pun lengkap kepada majoriti mereka yang telah pun mengambil vaksin. Maka banyak PPV awam telah pun ditutup dan selepas itu ada kita nampak bahawa ada PPV, bukan PPV lah ada program PICK yang dilaksanakan oleh ProtectHealth. ProtectHealth ya, betul lah? So, oleh ProtectHealth sama ada melalui PPV yang ditubuhkan secara dalam satu skala yang lebih kecil katakan untuk PICKids ini, program PICK untuk kanak-kanak memang kita nampak PPV swasta telah pun ditubuhkan.

Saya hendak tanya berapakah kos yang terlibat apabila pihak KKM menukar *approach* ataupun pendekatan dengan penutupan PPV awam dan digantikan dengan sama ada pemberian dos kedua di klinik-klinik swasta ataupun pembukaan PPV swasta seperti yang dilakukan dalam pelaksanaan program PICK untuk kanak-kanak?

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey. Berikut dengan penutupan Tuan Pengerusi, berikutan penutupan PPV mega kita apabila kita telah capai sasaran kita untuk vaksinasi dos pertama dan dos kedua. Jadi, kita sudah tutup dan bila timbul keperluan umpamanya untuk *booster*, jadi bila *booster* jadi kita menggunakan pakai juga ProtectHealth supaya lebih ramai GPs, *general practitioner* dapat kita gembleng untuk mereka memberi khidmat supaya lebih banyak pusat tersebut dapat dibuka.

Sebab kalau kita hendak buka lebih banyak PPV mega seperti dahulu, jadi ini akan melibatkan implikasi kos yang besar dan kedua juga daripada segi tenaga kerja yang kita gunakan. Itu sebabnya kita *spread around*. Jadi, berbalik kepada yang

untuk PICK saya tidak ada daripada segi jumlah berapa ringgit yang kita ada tetapi sebelum ini Dr. Hanif kita bayar untuk GPs berapa ya satu itu?

**Dr. Mohd Hanif bin Zailani [Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Ketua Sektor Kawalan VPD dan FWBD, Bahagian Kawalan Penyakit)]:** Sebelum ini RM14 campur RM1.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Kita bayar RM14 campur RM1 dan maknanya total RM15 yang kita bayar kepada pihak ProtectHealth supaya dapat dilaksanakan oleh GPs di peringkat akar umbi.

**Tuan Pengerusi:** So, *rate* itu tidak tukar lah? Sebelum ini pun RM15 sekarang pun RM15.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Tidak, lepas itu kita telah ubah ya Dr. Hanif.

**Dr. Mohd Hanif bin Zailani:** Sekarang kita sudah naikkan kepada RM20 lah, RM19 campur RM1.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** RM20 untuk satu dos?

**Dr. Mohd Hanif bin Zailani:** Satu dos.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** So, sama bagi *booster* dos dan juga untuk kanak-kanak?

**Dr. Mohd Hanif bin Zailani:** Betul.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey. So, ada *figure* berapa yang telah pun kita bayar melalui pelaksanaan ini?

#### ■1510

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Pada masa ini, saya tidak ada. Jadi, kita minta notis untuk kita berikan maklumat terkini tersebut?

**Tuan Pengerusi:** Boleh. Sila berikan kepada pihak sekretariat ya.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila Yang Berhormat Lumut.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Mengenai Jadual 1 Perolehan dan Perbelanjaan ini, yang RM1 bilion tambahan tadi Datuk belum masuk sini lagi kah?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Ya, dia belum –

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Disebabkan ini berakhir 31 Disember, so / presume Mesyuarat Kabinet lepas itu lah kot.

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Tidak, sebelum itu tetapi – *the* perbelanjaan *accurate* lah tetapi mungkin sepatutnya ditambah peruntukannya.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Peruntukan itu dan peruntukan nanti masuk ke kementerian mana ya? RM1 bilion daripada KWAN itu, sama ada ke MOSTI atau ke KKM?

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Kepada kedua-duanya tetapi ia bukan beroperasi seperti belanjawan biasa di mana dimasukkan B.11 kah – dia terus perbelanjaan *charge directly against* Kumpulan Wang tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Okey, untuk 7.1 ini ada soalan lain? Jika tidak ada, untuk 7.1 juga ini ya, saya hendak bawa perhatian pihak kementerian dan juga sekretariat PAC terhadap *info* yang kita ada la. So, di sini Jadual 2 dan Jadual 3 ada dinyatakan jumlah nilai kontrak dan juga bilangan dos yang telah pun dibeli. So, dari situ mungkin kita akan terikat dengan persefahaman bagi NDA yang telah pun dibincangkan dengan Menteri MOSTI dan Menteri KKM sebelum ini. So, mungkin saya perlukan kerjasama antara pihak KKM dengan pihak sekretariat selepas ini boleh *adjust*-kan jadual ini supaya apa yang tidak sepatutnya dinyatakan di sini boleh dikeluarkan. So, itu saya tinggalkan kepada pihak sekretariat dan KKM untuk uruskan. Okey Datuk.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Masih terpakai kah arahan tersebut?

**Tuan Pengerusi:** Masih terpakai.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Atau sudah boleh *release* kah?  
Tidak ada?

**Tuan Pengerusi:** *We have to respect that at this juncture* lah. Okey. So, kita masuk syor 7.2 Datuk.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Akan tetapi boleh tidak kita patah balik Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Daripada slaid terdahulu ya sebab kita belum habis sebab saya hendak jawab persoalan daripada Yang Berhormat tadi lah ya. Okey, pergi ke Jadual 3. Jadual 2 dahulu lah senang.

Jadi ini adalah portfolio kita secara keseluruhan untuk Ahli-ahli mesyuarat ya.  
Jadi ini adalah untuk dewasa dan juga remaja. [REDACTED]

[REDACTED] Jadi ini yang status dia.

Dari segi penerimaan, kesemuanya untuk yang No.2 hingga No.5, semuanya kita telah terima kecuali yang COVAX fasiliti ini, yang itu ada lagi yang kita belum terima. Jadi ini kita kena menunggu bila sudah ada giliran kepada negara dan jenis

vaksin yang mereka akan bekalkan, tinggal yang itu sahaja, yang lain semuanya telah dibekalkan kepada Kerajaan Malaysia.

Untuk kita beralih pula ke Jadual 3. Jadi untuk Jadual 3, ini lah perolehan yang telah dibuat pada tahun ini. Jadi kita telah buat perolehan sebab telah tandatangani perjanjian dengan pihak Pfizer pada bulan Januari 2022. Pada bulan Januari 2022 juga kita akhirnya telah berjaya untuk terima vaksin kanak-kanak. Jadi jumlahnya 6.6 juta dos ya, yang ini dengan implikasi kewangan keseluruhan semuanya sudah ada di slaid ya. Jadi untuk populasi kita, 3.3 juta orang kanak-kanak umurnya dari 5 tahun hingga bawah 12 tahun.

Untuk 7.2 – barulah saya akan beralih kepada 7.2 seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Tuan Pengurus. Jadi kalau dilihat di sini, kerajaan untuk perlu ambil tindakan proaktif untuk muktamadkan pembelian, untuk vaksin kanak-kanak. Jadi untuk hendak letakkan tempahan, *strategic beds* sekiranya perlu. Itu sebabnya bila kita tandatangani pada pertengahan bulan Januari 2022, penghujung Januari 2022 kita sudah terima dan akhirnya pada bulan Februari 2022 itu, kita sudah mula laksanakan program PICK untuk *kids*.

Dari segi maklumat bila ditandatangani itu, sudah telah pun ada di perenggan 1 pada 11 Januari 2022 dan jenis-jenisnya pun sudah ada disebut, *Comirnaty 10 microgram Concentrate for Dispersion for Injection*. Jadi 3.3 juta orang kanak-kanak ini macam mana kita tetapkan? Jadi saya akan tunjukkan kalau tengok di slaid sekarang, jadi ini lah yang dari segi unjuran dia bagaimana kita kira? Ini sebab kita anggap 80 peratus dahulu yang akan kita sasarkan. Jadi keseluruhannya bila kita sudah dapat data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, jadi untuk kumpulan umur 5 tahun hingga bawah 12 tahun, ini lah jumlahnya. Kalau tengok yang kotak yang ada titik merah, jadi itulah dari segi 3.265 juta keseluruhannya.

Berbalik kepada slaid sebelum itu. Kedua, penghantaran pertama kita sudah terima pada 28 Januari 2022 dan kita sudah selepas itu secara berperingkat dan kami akan tunjukkan juga slaid seterusnya. Ini tadi Ahli Yang Berhormat juga bertanya perbezaan antara vaksin dewasa remaja dan juga vaksin kanak-kanak. Jadi dari segi jenis vaksin dia, yang untuk dewasa itu 30 mikrogram berbanding dengan untuk kanak-kanak 10 mikrogram ya.

Dari segi juga *injectable volume* dia, 0.3 ml berbanding dengan kalau yang kanak-kanak hanya 0.2 ml dan *diluent* juga berbeza. Dalam satu *vial* kalau untuk dewasa hanya ada enam dos berbanding dengan kalau untuk kanak-kanak itu satu *vial* ada 10 dos. Jadi ini yang kita hendak maklumkan. Kebetulan pula, tarikh

tandatangan perjanjian itu macam genap setahun. Makna satu tahun 2021, satu lagi tahun 2022. Jadi saya pun bila tengok, eh tengok *very nice date*.

Jadual penghantaran kita pula untuk slaid seterusnya. Jadi setakat ini daripada 6.6 juta dos yang telah kita buat tempahan, kalau kita tengok kolumnya ketiga, jadi kita sudah terima 2.238 juta dos untuk vaksin. Jadi *on the way* ya, maknanya kita tengah menanti penghantaran kelompok-kelompok seterusnya, masih kita ada lagi ya 4.362 juta ya.

Untuk Program Imunisasi COVID-19 Kids ini, jadi status vaksinasi 28.9 peratus. Perincian saya akan tunjukkan. Jadi kalau lihat di slaid ini, jadi itu lah mungkin kita juga perlukan kerjasama Yang Berhormat Tuan Pengerusi bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, khususnya ada beberapa negeri kalau tengok yang bawah itu, maknanya kadar dia agak rendah. Ini cabaran yang kita hadapi berbanding dengan vaksinasi untuk dewasa dan remaja yang ketika itu berduyun-duyun orang berebut juga masa ketika itu hendak *register*, hendak disuntik tetapi untuk kanak-kanak ini cabaran yang kita hadapi.

Jadi kita pun dengan program-program yang kita tengah buat di peringkat akar umbi, jadi kita berharap dapat kita tingkatkan lagi sebab kalau kita tidak vaksinasi kanak-kanak kita, jadi maknanya dari segi kebarangkalian untuk mereka dijangkiti dan lepas itu dimasukkan ke hospital agak tinggi. Jadi ini sebabnya, sebab tanpa kita selesaikan kumpulan 5 tahun hingga bawah 12 tahun, kita tidak dapat hendak capai vaksinasi kelompok untuk keseluruhan populasi negara.

Jadi saya berhenti di sini lah Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Pengerusi untuk syor 7.2.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Untuk syor 7. – saya hendak balik kepada syor 7.1 berkenaan dengan *update*. Ada tertinggal satu soalan. Kita hendak tengok Jadual 2 ada menyatakan berapa dos yang kita telah beli dan kesemuanya telah sampai selain daripada COVAX facility okey. So, bagi dua Pfizer, AstraZeneca, Sinovac, CanSino, kesemua stok ini telah pun diterima dan telah pun dibayar. Soalan saya sama ada pihak KKM ada satu rekod berkenaan dengan berapakah stok yang sekarang kita ada. So, berapa yang masih disimpan dalam stok dan selalulah dikatakan di luar bahawa ada stok yang hendak sampai *expiry date* dan sebagainya mungkin ini merupakan satu peluang bagi KKM untuk memberikan maklumat yang *detailed* kepada pihak kami.

■1520

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey, berhubung dengan kedudukan stok, yang ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan, mempengurusikan

mesyuarat di peringkat KKM setiap minggu untuk dipantau di bawah CPRC kita dan juga CITF untuk kita ketahui stok vaksin yang diperlukan. Jadi di mesyuarat tersebut akan kita lihat daripada segi berapa lagi vaksin yang masih dalam stok kita dan tempoh jangka hayat mereka. Berdasarkan maklumat tersebut akan dibuat keputusan apakah jenis vaksin umpamanya untuk *booster*. Apakah jenis vaksin yang kita seharusnya tawarkan supaya vaksin tersebut nanti tidaklah maknanya melangkaui tarikh tempoh jangka hayat dia.

**Tuan Pengerusi:** So, Datuk TKSU boleh bagi maklumat secara detil supaya kita boleh masukkan dalam laporan kita.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Ya, kami akan berikan maklumat tersebut. Maknanya daripada segi yang mana yang akan *expire* pada bulan April...

**Tuan Pengerusi:** Apa yang penting berapa stok *as said now* lah.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Yes, boleh.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Sebab kita pantau maknanya berapa yang bulan Mei, Jun, Julai *expiry date*.

**Tuan Pengerusi:** Very well. Thank you. So, 7.2 jika tidak ada lagi...

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Saya juga hendak merujuk Jadual ini ya. Ertinya kalau kita tengok COVAX dengan AZ contohnya. Kita dimaklumkan COVAX Facility ini adalah perolehan mengikut WHO punya harganya, murah lah sikit patutnya ya, COVAX Facility ini kan untuk negara-negara yang berpendapatan rendah, contohnya. Akan tetapi dia lebih mahal daripada AstraZeneca ya, kalau kita tengok di situlah.

Keduanya, kita juga dibayangkan dahulu Sinovac ini, *Chinese vaccine* ini lebih murah ya tetapi *on the other hand* berbanding dengan Pfizer, *Pfizer is supposed to be the high standard vaccine*. Mahal Sinovac daripada Pfizer-BioNTech. Jadi, macam mana ini boleh berlaku kerana *all the while* daripada awal kita mengadakan *hearing* ini, Sinovac ini kita anggap sebagai harganya lah, harganya lebih inferior daripada Pfizer. Ada apa-apa penjelasan?

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berkenaan dengan COVAX Facility, dia yang ini adalah keseluruhan daripada segi kos dia sebab itu adalah untuk keseluruhan dahulu. Jadi kita kena bagi *upfront payment* untuk keseluruhan tetapi dia akan kontra bila dengan kadar sebenar. Jadi itu sebabnya kalau kita lihat dia adalah portfolio bukan satu jenis

---

vaksin, dia adalah portfolio beberapa jenis vaksin yang berbeza jadi kadar harga dia untuk vaksin ke vaksin akan berubah.

Umpamanya, di bawah COVAX dia ada satu yang AstraZeneca dan kedua juga dia ada vaksin Johnson & Johnson, dia ada juga Novavax dan sebagainya. Jadi itu telah pun diambil *average* oleh pihak COVAX untuk dikenakan dari satu negara ke satu negara bergantung pada kedudukan GDP masing-masing. Jadi itu sebabnya bila telah dapat bayaran tetapi bila *the exact figure* umpamanya bila kita dapat AstraZeneca jadi kadarnya, dia akan *charge* berdasarkan harga vaksin AstraZeneca tersebut. Encik Wan yang itu harganya adalah berbanding dengan komersial adalah lebih rendah ya Encik Wan.

**Encik Wan Hashim bin Wan Rahim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk sebenarnya kalau kita melihat harga vaksin di bawah COVAX Facility, kalau kita buat perbandingan antara AstraZeneca yang dibekalkan melalui COVAX Facility dengan AstraZeneca yang kita beli terus dengan AstraZeneca harga oleh pembekalan melalui COVAX sebenarnya lebih murah. [REDACTED]

[REDACTED] Cuma akan ada kos-kos lain dan sebab itu COVAX Facility ini memandangkan keseluruhannya masih lagi belum selesai so, kita membuat bayaran *upfront* untuk memastikan pesanan dapat dibuat pada peringkat awal dan selepas itu apabila telah selesai pembekalan pihak COVAX akan *reimburse* baliklah mana-mana pembayaran yang melebihi daripada kos sebenar.

Itu satu. Keduanya Tuan Pengerusi berkenaan dengan pertanyaan tentang kenapa harga Sinovac lebih mahal berbanding dengan harga Pfizer. Kalau kita lihat Sinovac menggunakan platform *inactivated* virus di mana pembangunan vaksin *inactivated* virus ini perlu dibuat dalam lab yang kategori tiga dan kosnya memang agak tinggilah berbanding dengan vaksin mRNA yang merupakan teknologi terkini dan kos dia lebih murah berbanding dengan kaedah konvensional menggunakan *inactivated* virus ataupun virus yang telah dimatikan. Itu yang kita bincangkan semasa rundingan pun memang itulah kos yang kita perlu bayar memandangkan terdapat permintaan daripada rakyat untuk mendapatkan vaksin daripada China.

Oleh sebab itu kita membuat keputusan pada masa itu untuk meneruskan pembelian melalui Sinovac mengikut *availability* pada masa itu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak hanya menanyakan *follow up* kerana menerusi laporan media sebelumnya ada disebut beberapa kerajaan negeri secara khusus contohnya negeri Sarawak menyatakan ketika itulah *the first phase* mereka lebih *prefer the Sinovac vaccine for the citizens*. Jadi adakah ini juga memberi kesan kepada

---

pemilihan portfolio, *not so much* tetapi itu adalah laporan dan daripada lawatan saya dengan beberapa pengundi ataupun rakyat di lapangan *of course* kadang-kadang kalau dah terikat dengan Sinovac itu *very difficult to convince them to take the booster which can be Pfizer or whatever else has been offered* lah.

Jadi daripada segi KKM sendiri adakah ini akan memberi kesan kepada *the take up for booster as well as for PICKids*.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey. Untuk pertanyaan Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan vaksin Sinovac, kita tidak hadapi masalah. Cuma asalnya masa kita tawarkan untuk yang *booster* yang mana telah dapat Sinovac-Sinovac untuk dia dapatkan Pfizer sebab ketika itu stok yang kita banyak ketika itu adalah Pfizer dan berdasarkan saranan pakar daripada segi *effectiveness* juga untuk Pfizer adalah lebih tinggi. Akan tetapi ada kalangan ahli masyarakat kita mereka itu mempunyai pendirian sendiri bahawa mereka tidak ingin dapatkan campuran vaksin.

Kita juga bernasib baik sebab pada awal bulan Januari 2022 kita juga telah mendapat sumbangan vaksin Sinovac daripada Kerajaan Negara China jadi untuk disumbangkan. Itu sebabnya bila kita dah ada daripada segi portfolio untuk Sinovac jadi kita telah tawarkan juga kepada siapa yang perlukan Sinovac. Begitu juga untuk kanak-kanak. Baru-baru ni nanti dalam slaid kita ada dinyatakan. Jadi kita juga telah tawarkan juga sekarang untuk vaksin Sinovac kepada kanak-kanak. Sebab ada permintaan daripada sebilangan ibu bapa yang mereka lebih suka macam tadi Encik Wan kata *inactivated* punya vaksin jadi untuk kita berikan kepada kumpulan sasar kita.

Tuan Pengerusi: Okey, ada lagi? Jika tidak ada saya... Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Just to confirm because you said just now that one of the reasons* kita bagi Pfizer *because of stock*. Stok ada. Kemudian satu lagi kerana pakar mengatakan okey. So, *which one is the priority here*.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Apa yang penting nombor satu adalah daripada segi pandangan pakar *in terms of effectiveness*. Akan tetapi di campur juga bila kita dah *effectiveness* jadi kita tawarkan yang mana dah efektif. Akan tetapi kalau ketika itu ada yang kata, "Kami tidak hendak...", jadi kita kena hormati hak mereka. Doktor Hanif juga hendak tambah.

■1530

**Dr. Mohd Hanif bin Zailani [Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Ketua Sektor Kawalan VPD dan FWBD, Bahagian Kawalan Penyakit)]:** Satu lagi yang

fasal Sarawak itu, *actually*, kalau kita tengok permintaan yang paling tinggi dari segi *coverage* yang paling tinggi, Sarawak paling baguslah. Sekarang ini Sarawak untuk *booster* pun sudah sampai hampir *80 percent*. *Actually*, tidak sampai *80 percent*, tetapi *80 percent* memang *the top* dalam negara kita ini. Jadi daripada segi *acceptance of the vaccine* ini, Sarawak memang tinggi. Untuk *complete dose*, dos lengkap itu pun Sarawak pun yang 80 peratus, *coverage* 80 peratus pun Sarawak pertama kali dapat sebab semasa itu ada berlaku pilihan raya semasa itu dan sebab itulah mesyuarat JKJAV pun telah menentukan supaya *supply* bekalan vaksin di Sarawak dipercepatkan.

Pada masa itu memang kita ada bekalan *Sinovac*. Itu salah satu sebab kenapa *Sinovac* pun ada dalam portfolio dia sebab bekalannya cepat berbanding *Pfizer*. *Pfizer* pada awal-awal itu pada bulan Jun, Julai itu memang bekalannya ada masalah sedikit dan pada masa itu, *alhamdulilah* kita *sign* juga, ada perolehan *Sinovac* dan kita bagi sebab pada masa itu prioriti kita tidak fikir portfolio vaksin, mana-mana vaksin yang ada kita bagi untuk meningkatkan imuniti populasi di Malaysia. Itu sahajalah Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Untuk 7.1, 7.2 ada hendak tambah lagi? Jika tidak ada kita sambung syor 7.4. Ya, sila Datuk Johan.

**Datuk Johan Mahmood Merican:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tadi ada satu, dua soalan berhubung dengan...

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Datuk Johan Mahmood Merican:** ... *point 3*. Saya juga ingin memaklumkan mesyuarat bahawa Jemaah Menteri telah meluluskan kenaikan siling KWAN untuk vaksin daripada RM5 bilion kepada RM6 bilion pada bulan Oktober 2021 dan perkara ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa penggulungan Bajet 2022 di Dewan Negara pada 21 Disember 2021 sebab inilah— penggunaan ini dihasratkan untuk tahun 2022, peningkatan siling tersebut. Itu soalan pertama.

Soalan berhubung dengan sumbangan oleh PETRONAS. Secara amnya, PETRONAS akan membuat sumbangan kepada KWAN secara tahunan pada bulan Mac. Kebiasaan ia akan menyumbang RM100 juta setiap tahun tetapi terdapat beberapa tahun di mana PETRONAS telah membuat sumbangan yang lebih besar contohnya pada tahun 2013, membuat sumbangan sebanyak RM2 bilion, pada tahun 2015 sumbangan sebanyak RM1 bilion. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Jelas. Ada lagi? Jika tidak ada, saya minta Datuk TKSU untuk sambung.

---

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Untuk syor 7.4, ini adalah berkenaan dengan kerajaan perlu menetapkan harga siling Sinovac yang dijual dalam *private vaccine market* dengan segera untuk memastikan harga siling tersebut tidak memberi keuntungan yang melampau kepada pembekal. Jadi respons yang kita telah sediakan untuk makluman mesyuarat, pihak kerajaan sudah mewartakan penetapan harga maksimum borong dan juga runcit untuk vaksin CoronaVac keluaran Sinovac atau Pharmaniaga LifeScience dan juga Covilo ini keluaran Sinopharm yang dijual dalam *private vaccine market*. Ini berkuat kuasa pada 15 Januari 2022.

Harga maksimum runcit ini – ia tidak termasuk, makna caj perkhidmatan dan juga barang pakai buang. Jadi, daripada segi pewartaan telah pun diwartakan dan kita boleh tunjuk pada *next slide*. Jadi ini adalah warta yang telah dilakukan untuk memastikan dari segi harga runcit sebab sebelum ini – jadi apabila tidak ada harga siling, banyak pihak yang akan mempertikaikan, mungkin berlakunya keuntungan berlebihan.

Kita patah balik kepada *slide* terdahulu. Untuk yang kedua pula daripada segi penetapan harga maksimum borong untuk vaksin CoronaVac, berapa harganya? Jadi, untuk borong RM62 untuk satu dos. Kalau untuk Covilo pula, RM49 untuk satu dos. Bagi harga maksimum runcit pula untuk vaksin CoronaVac adalah RM77 untuk satu dos dan vaksin Covilo adalah RM61 untuk satu dos. Penetapan harga maksimum ini dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Jadi kita telah mendapat kerjasama yang baik daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. *Slide* seterusnya untuk 7.4 Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey 7.4. Saya memerlukan sedikit maklumat lanjut daripada pihak KKM. Isu ini merupakan satu isu yang ditekankan oleh PAC. Pada bulan Julai tahun lepas apabila kita mengadakan prosiding dengan Yang Berhormat Menteri MOSTI. Kita telah pun mencadangkan pada bulan Julai yang lepas untuk penetapan harga siling kerana pada ketika itu kita mendapati bahawa harga yang dijual dalam pasaran adalah amat tinggi iaitu RM150 satu dos. Dua dos RM300. GP menjualkan perkhidmatan tersebut dengan harga RM350 ataupun RM380 termasuk caj perkhidmatan dan juga barang pakai buang dan sebagainya.

*So, in short* satu dos RM150 apabila ia dimulakan pada bulan Ogos sehingga harga siling ditetapkan pada 15 Januari 2022. Bagi saya memang *complain* adalah apabila permintaan untuk vaksin dalam *private vaccine market* yang mana yang semasa *peak* itu, apabila *peak* iaitu pada bulan Ogos dan bulan September yang

---

lepas. Di mana semasa itu banyak kes, everyone was rushing for the vaccine and some of them they have just go to pay and get their Sinovac vaccine done. So, itu apa yang betul-betul berlaku.

Apabila KKM lambat dalam menetapkan harga siling itu, 15 Januari 2022, I don't see that is a rush for the people to go and get the vaccine now already, I think this is beyond doubt. So, penetapan ini kerana terlambat, tidak dapat membawa kepentingan ataupun keuntungan kepada the general public at large. So, itu komen saya. So, apa-apa pun these things happen, this is what has happened in a past half a year and so on dan apa yang saya perlukan daripada pihak KKM adalah sama ada pihak KKM ada statistik berkenaan dengan berapa dos vaksin yang telah pun dijual dalam private vaccine market setelah ia dibuka for the private vaccine market dari 1 Ogos sehingga penetapan harga siling pada 15 Januari 2022? How many doses have been administered during that period where there was no ceiling price and how many doses have been administered after the ceiling price is fixed? So, I wonder if KKM— I think KKM would have this sort of info and I hope KKM can furnish to the committee.

So, that daripada situ kita boleh nampak juga apabila harga siling tidak ditetapkan, so this group of people, they never benefited from this cadangan from the PAC unfortunately and after 15<sup>th</sup>, how many have been benefited? So, I hope KKM can give us this info.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengurus. Berhubung perkara ini, kita sudah ada mekanisme maknanya untuk pihak pembekal swasta umpamanya pihak Pharmaniaga, pihak Duopharma umpamanya untuk mereka menjual. Jadi sebelum mereka dibenarkan menjual dan berapa jumlah dos yang – kepada pihak mana yang mereka boleh jual? Jadi mereka perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Kementerian Kesihatan. Di bawah KKM ini, kita juga ada bahagian untuk farmasi yang mereka akan menapis daripada segi permohonan kedua-dua buah syarikat ataupun syarikat-syarikat yang lain pada masa akan datang.

Jadi daripada kelulusan tersebut barulah syarikat pembekal umpamanya Pharmaniaga dan juga Duopharma ataupun pada masa akan datang syarikat-syarikat lain, barulah mereka boleh jualkan **jadi kita akan bagi kelulusan kepada mereka.**

■1540

Jadi, daripada segi data ini kami ada, jadi kami akan bekalkan kepada jawatankuasa.

---

**Tuan Pengerusi:** Ya, terima kasih. Of course Datuk, daripada segi data yang dibenarkan untuk dijual itu satu dan berapa yang telah pun di-administer, disuntik, diberikan vaksin. *Because when you are selling to them certain number of dose, not necessarily 100 percent has been administered. So, correct me if I'm wrong.* Okey, thank you.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Kita akan usahakan daripada yang syarikat pembekal yang kita telah bagi kelulusan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, ada soalan lagi untuk 7.4 sebelum kita masuk ke syor yang terakhir? Okey, jika tidak ada boleh minta sambung Datuk.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi mesyuarat. Seterusnya berkenaan dengan 7.5 ini adalah khusus kepada MySejahtera. Jadi, apa yang telah disyorkan kerajaan tidak harus buat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera kerana penggunaannya bersifat CSR dan kerajaan hendaklah ambil alih pengoperasian aplikasi MySejahtera tanpa libatkan apa-apa kos tambahan memandangkan perkara ini telah menjadi sebahagian daripada sistem kesihatan negara. Jadi, respons yang kita telah sediakan berdasarkan syor tersebut.

Jadi, ketika kita mula-mula alami pandemik COVID-19 lepas itu sudah ada dengan PKP yang diperkenalkan, jadi pihak kerajaan dapat perlu ada sesuatu kaedah untuk kita gunakan teknologi supaya dengan teknologi ini kita dapat bangunkan satu aplikasi khusus untuk digunakan sewaktu pandemik. Jadi, itu sebabnya telah pun lahir satu aplikasi MySejahtera. Jadi, pentingnya untuk kita ketika itu hendak kesan dari segi *contact* dan juga penilaian kesihatan kendiri untuk ketahui status penilaian kesihatan dalam menangani pandemik COVID-19.

Jadi, tujuan utamanya untuk hendak kurangkan beban kepada fasiliti kesihatan dengan membolehkan pengguna itu sendiri melaksanakan penilaian kendiri tanpa perlu hadir ke klinik dan hospital. Ketika itu, untuk kita hendak bangunkan sistem aplikasi ini, jadi pihak kerajaan telah mengadakan perbincangan dengan pihak swasta dan hasilnya syarikat KPISoft Sdn Bhd telah pun setuju ketika itu untuk bantu negara bangunkan aplikasi MySejahtera serta-merta yang mereka telah bangunkan dalam bentuk CSR.

Untuk CSR, mereka hanya tawarkan kepada pihak kerajaan untuk tempoh satu tahun sahaja iaitu dari 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021. Kalau kita lihat slaid seterusnya tetapi disebabkan keperluan sebab kita perlu untuk kawal wabak COVID-19 dan juga berubah mengikut perkembangan semasa. Jadi, kita lihat MySejahtera ini perlu digunakan. Jadi, selaras dengan itu aplikasi MySejahtera telah pun ditambah

---

baik dan juga telah berkembang dengan pantas. Jadi, telah ditambahkan modul-modul yang khusus ketika itu berbanding dengan tujuan asal untuk pembangunan MySejahtera.

Jadi, kini dari segi penggunaannya MySejahtera ini sudah ada lebih daripada 10 modul dan dari semasa ke semasa kita perlu tambah baik lagi. Hingga kini juga, daripada segi pengguna telah pun ada 38 juta pengguna berdaftar yang ini siapa dia, mana warga negara, bukan warga negara dan juga pelawat atau pengembara. Dalam Mesyuarat JKJAV Bilangan 1 Tahun 2021 pada 7 Januari 2021 telah pun putuskan bahawa aplikasi MySejahtera digunakan sebagai salah satu kaedah pendaftaran dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Fungsi aplikasi MySejahtera telah pun diperluaskan untuk dengan pembangunan modul pendaftaran vaksin yang dirangkaikan dengan *Malaysia Vaccine Administration System (MyVAS)*. Sistem MyVAS ini turut dibangunkan oleh pihak KPISoft Sdn. Bhd. adalah pentadbiran vaksin yang ditempatkan di semua pusat pemberian vaksin. Juga ia menjadi pelengkap *to complement* aplikasi MySejahtera. Modul pendaftaran vaksin dalam aplikasi MySejahtera dan MyVAS telah pun dilancarkan pada ketika itu 24 Februari 2021 dan telah pun dengan keperluan dari semasa ke semasa telah pun ditambah baik berdasarkan keperluan.

Kalau kita lihat slaid seterusnya pula penggunaan berkesan aplikasi MySejahtera dalam program vaksinasi di bawah PICK ini telah menyumbang makna daripada segi pihak negara kita telah capai antara kadar vaksinasi negara antara yang tertinggi di dunia. Mengambil kira kita sedar bahawa MySejahtera ini adalah aplikasi nasional dalam pengurusan pandemik COVID-19 dan juga potensi aplikasi ini untuk kita perkembangkan dalam mempertingkatkan lonjakan pendigitalan kepada sektor kesihatan negara, pihak kerajaan telah pun putuskan untuk membuat bayaran bagi perkhidmatan MySejahtera bermula 1 April 2021, makna lepas tamat tempoh kontrak tersebut, tempoh CSR.

Ketika ini, daripada segi penilaian bagi kaedah dan jumlah bayaran akan kita muktamadkan oleh pihak kerajaan. Jadi, yang ini diterajui oleh pihak MAMPU sebab mereka adalah *expert in terms of IT* dan juga turut dianggotai oleh beberapa kementerian dan agensi seperti Kementerian Kesihatan, UKAS, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan juga Majlis Keselamatan Negara.

MySejahtera ini adalah satu aplikasi massa, *mass application* yang kompleks dan pertama seumpamanya di Malaysia. Kita sentiasa tambah baik pelbagai fungsi baharu berdasarkan keperluan semasa yang perlukan pembangunan dan juga

---

penyelegaraan berterusan. Walaupun pembangunan asas untuk aplikasi MySejahtera ini kita bangunkan CSR, tetapi kos-kos lain macam kepakaran, perkhidmatan untuk bangunkan setiap modul baharu juga perlu kita bayar kerana daripada segi kita bandingkan dengan yang asal, MySejahtera yang asal sudah jauh berubah dari segi skop kerja asal yang telah pun dipersetujui sewaktu negara mula dilanda pandemik pada bulan Februari, Mac tahun 2020.

Kini, berdasarkan keputusan kerajaan KKM sebagai pemilik MySejahtera telah pun menubuhkan satu jawatankuasa pemandu MySejahtera dan ini dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan ahlinya kita adalah dari pelbagai pihak umpamanya MOSTI, MAMPU, MDEC, SKMM untuk tujuan tadbir urus dan juga hala tuju MySejahtera termasuk dalam mempertimbangkan kos dibandingkan dengan manfaat untuk kita ambil alih MySejahtera secara sepenuhnya. Jadi, saya berhenti di sini dahulu daripada segi respons yang kita berikan kepada syor untuk 7.5 Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Ahli-ahli semua ada soalan tidak berkenaan dengan syor 7.5 ini?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Hendak tanya.

**Tuan Pengerusi:** Ya sila Yang Berhormat Lumut.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ya. Apakah peranan KPISoft Sdn. Bhd. sekarang ini masih lagi sebagai operator saja atau diambil alih oleh Kementerian Kesihatan *totally*?

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey, ini akan dijawab oleh Dr. Maheshwara.

**Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan:** [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Sektor Pengurusan Bencana Wabak, Krisis dan Kecemasan, Bahagian Kawalan Penyakit]: Terima kasih. Salam sejahtera Yang Berhormat dan semua Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Buat masa sekarang KPISoft masih lagi merupakan vendor yang dikhusruskan untuk membangun semua modul MySejahtera. Masih lagi tetapi semua *governance* yang akan melihat kepada pembangunan MySejahtera adalah dari pelbagai agensi termasuk MAMPU, MKN, MOSTI dan juga KKM.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ada lagi Yang Berhormat Lumut?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Bukan kita *buy over everything and then kita manage sendiri* tidak ya?

**Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan:** Buat masa sekarang Yang Berhormat akan dibincangkan sewaktu jawatankuasa pemandu MySejahtera tatacara

---

perolehan dan juga penyelenggaraan MySejahtera. So, *it can be as software service module or it can be a buy over process* Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Untuk makluman Datuk TKSU berkenaan dengan syor ini, memang PAC mengambil berat terhadap bagaimana KPISoft dari hari pertama diberikan *mandate* ataupun diberikan peluang untuk memajukan atau membangunkan aplikasi MySejahtera yang telah pun menjadi aplikasi nasional ini.

■1550

Pada masa itu, kita tidak tahu apakah prosedur perolehan dia kerana *of course when someone comes over and says this is a CSR project, never touches on the government coffers, that would be perfectly right*. Cuma seperti yang dinyatakan oleh Datuk TKSU tadi, *when time evolves* apa yang berlaku adalah pembangunan modul ke modul telah pun di – dari modul ke modul telah pun dibangunkan dan ini menjadikan aplikasi MySejahtera lebih *complicated*. So, *we appreciate this fact*.

Cuma PAC amat mengambil berat berkenaan dengan tatacara perolehan dari hari pertama. Sekiranya kita *expect* aplikasi ini hendaklah dibayar pada masa hadapan, maka bagi pihak PAC haruslah kesemua tatacara perolehan dipatuhi apabila KPISoft Sdn. Bhd. diberikan *mandate* ataupun dilantik. So, *that is all about the concern from the PAC*.

*So, my question now here is Datuk TKSU, are you able to tell us* pada apabila aplikasi MySejahtera ini mula-mula dibangunkan, bagaimana syarikat KPISoft Sdn. Bhd. ini dilantik sama ada KPISoft Sdn. Bhd. ini memberikan tawaran kepada pihak kerajaan, memberikan satu *proposal* kepada pihak kerajaan atau tidak atau pihak kerajaan pada masa itu ada mempertimbangkan cadangan daripada syarikat-syarikat yang berlainan dan sebagainya.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, izinkan rakan saya, Dr. Mahesh untuk teruskan.

**Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan:** Terima kasih Datuk Harjeet. Yang Berhormat, pada mulanya pada bulan Mac 2020 apabila kita membuat unjuran kes dan melihat kepada magnitud pandemik kita pada masa itu, Kementerian Kesihatan merasakan adalah wajar untuk kita melihat kepada kaedah-kaedah digital untuk kita membantu dalam pengurusan pandemik.

Pada masa itu Yang Berhormat, kita mendapat lebih kurang 11 *proposal* daripada pelbagai jenis syarikat yang memberikan kita beberapa jenis cara untuk kita menggunakan kaedah digital. Pada 20 Mac 2020, apabila kita mewujudkan satu jawatankuasa kecil di Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama dengan

---

agensi-agensi lain di mana satu Jawatankuasa COVID-19 Digitalization yang dipengerusikan oleh MKN diwujudkan. Kita membawa semua *proposal* berkenaan untuk dibincangkan bersama agensi-agensi lain.

Selain daripada semua keperluan KKM, kami juga mengambil kira berapa pantas kita boleh *deploy* satu sistem untuk kita gunakan seberapa cepat yang boleh. *Following that Yang Berhormat, kita memilih vendor KPISoft Sdn. Bhd. So, we went through a rigorous process of choosing the actual vendor to develop our application currently. Thank you Yang Berhormat.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Setakat ini sama ada apa-apa bayaran pernah dibuat kepada KPISoft Sdn. Bhd. kah tidak? *Because when I put in my questions and got the answer that was some time last June or July, sudah lama dan sampai sekarang saya tidak pasti sama ada – until today any payment made?*

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey dari segi pembangunan untuk sistem, pihak kerajaan masih belum sebarang kos kepada KPISoft Sdn. Bhd. sebab seperti yang saya nyatakan tadi dengan kelulusan pihak kerajaan dan baru-baru ini kita juga telah dapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kewangan untuk kita memulakan perundingan secara khusus dengan pihak KPISoft Sdn. Bhd. berhubung kos untuk perolehan pembangunan sistem tersebut.

Cuma yang ada dibayar adalah yang *miscellaneous cost* yang pembayaran dari segi kos SMS dan juga kos untuk penggunaan *Google Maps API*. Jadi itu sahaja yang itu perlu dibayar kepada pihak ketiga dan perkara ini juga telah dibuat pembayaran oleh pihak Majlis Keselamatan Negara. Jadi bukannya dari segi pembayaran untuk kos pembangunan sistem, hanya kos untuk penggunaan di *miscellaneous*, SMS dan juga *Google Maps API*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Ada soalan lain atau tidak daripada Ahli-ahli semua? Okey, ya sila.

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Perolehan Kerajaan)]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sedikit tambahan *info* berdasarkan apa yang Kementerian Kesihatan melaporkan tadi ya. Okey, berkenaan dengan syarikat itu memang pada awalnya KPISoft Sdn. Bhd. yang telah membangunkan sistem MySejahtera tetapi Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2021 telah memutuskan supaya sistem ini, maknanya KPISoft Sdn. Bhd. dia telah memberikan kepada syarikat MySJ Sdn Bhd. Maknanya sekarang ini bukan KPISoft Sdn. Bhd. ya, sekarang ini adalah MySJ Sdn. Bhd. dan berdasarkan...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Memberikan SOS code, what do you mean, can you explain a bit more? Memberikan...

---

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** Maknanya syarikat KPISoft Sdn. Bhd. telah pun menukar entiti kepada MySJ Sdn Bhd. Kita tidak pasti sama ada dia ataupun tidak dan berdasarkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri, sedikit tambahan *info* ya. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri ini, kita Kementerian Kewangan telah pun memberi kelulusan kepada Kementerian Kesihatan secara rundingan terus kepada syarikat *so-called* ‘MySejahtera’. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan perlu melaksanakan *due diligence*, adakah syarikat yang sama ataupun tidak. Itu berdasarkan kepada syarat dan benda itu perlu dilaksanakan tindakannya oleh pihak Kementerian Kesihatan, dari segi status syarikat.

**Tuan Pengerusi:** Rundingan terus kepada MySJ Sdn Bhd. itu untuk apa? Kenapa perlu lagi satu pelantikan ataupun rundingan terus kepada syarikat ini?

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** Ini kerana selama ini pembangunan sistem ini yang telah dilaksanakan oleh NACSA ataupun MKN, tidak ada satu *proper contract* dengan pihak syarikat. So, tidak ada kontrak. So, bila bawa kepada Jemaah Menteri untuk hendak memurnikan balik dari segi proses perolehan dan sebagainya, so bila masuk kepada Kementerian Kewangan maknanya dan bila Kementerian Kesihatan bersetuju untuk mengambil alih aplikasi MySejahtera ini, so maknanya Kementerian Kesihatan seolah-olah perlu memulakan balik proses yang awal, maknanya dari segi kosnya, dari segi status syarikatnya daripada KPISoft Sdn. Bhd. telah bertukar kepada MySJ Sdn Bhd ini maknanya perlu semak dari segi itu dan juga perlu merundingkan balik kos-kos pembangunan aplikasi MySejahtera ini.

Ini kerana apa yang kita bagi kepada kelulusan – kelulusan seperti mana yang Datuk Harjeet maklumkan tadi, memang Kementerian Kewangan telah pun memberi kelulusan sebanyak RM9.317 juta untuk *third party* iaitu dari segi API dan juga dari segi *payment* yang SMS dan sebagainya. Itu memang kita telah bagi kelulusan. Akan tetapi dari segi pembangunan aplikasi MySejahtera, maknanya Kementerian Kesihatan perlu tengok balik dari segi *A to Z*, dari segi *costing*-nya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih juga atas penjelasan oleh Kementerian Kewangan. Saya ingin tanya lanjutan memandangkan proses pemurnian telah dibincangkan di peringkat Jemaah Menteri, antara kebimbangan awal daripada mana-mana perjanjian adalah akses kepada data rakyat ataupun pengguna-pengguna mana-mana aplikasi. Ini kebimbangan yang sama dibangkitkan di Selangor contohnya, *with every apps that's being used*. Maka boleh dijelaskan oleh KKM *maybe* Dr. Mahesh dari segi jaminan yang wujud dalam kontrak terkini di bawah Jawatankuasa Pemandu MySejahtera bahawa semua data rakyat yang memang akan diperluaskan lagi, contohnya saya sendiri dengan

---

*my dependents* ya. Kita semua guna secara harian bagaimana data-data ini dapat dilindungi termasuklah daripada pantauan oleh pihak sekuriti ataupun Polis Diraja Malaysia. Perbincangan yang sama telah agak hangat berlaku atau berlangsung di Parlimen Singapura where *Trace Together was used actually at one point to be accessed by the security forces*, untuk menilai mereka yang mempunyai rekod jenayah.

■1600

Jadi walaupun kita dah dengar jaminan tetapi mengikutkan perkembangan yang terkini as *in who are the key shareholders, can you explain a little bit on the status of this two entities*, satu adalah KPISoft Sdn. Bhd. dan keduanya MySJ Sdn Bhd. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey, pertama saya akan jawab berkenaan yang nama syarikat semua. Akan tetapi daripada segi teknikal aspek nanti yang daripada segi sekuriti nanti akan dijawab oleh Doktor Mahesh ya. Jadi seperti yang kita tahu sebelum ini nama syarikat itu adalah KPISoft Sdn. Bhd. tetapi pemahaman kita, kita telah dimaklumkan bahawa nama baharu syarikat tersebut ialah MySJSdn Bhd. Akan tetapi daripada segi apa yang telah dinyatakan oleh pihak Kementerian Kewangan, kita untuk perundingan mereka kena tunjukkan kita bukti-bukti yang tersebut, siapakah kamu dan sebagainya sebab kita tidak boleh membuat sebarang perolehan ataupun pembayaran hingga mereka dapat berikan kita bukti bahawa mereka adalah pihak yang sahih yang telah pun bangunkan sistem tersebut.

Jadi maknanya kalau di dulu KPISoft Sdn. Bhd., okey tunjukkan bukti dia dan selepas itu nama dia telah berubah dan semuanya adalah sama. Jadi ini harus mereka berikan kepada kita sewaktu kita akan membuat daripada segi perbincangan untuk perolehan dan juga pembayaran daripada segi pembangunan sistem Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, tadi Datuk kata KKM perlu menentu sahkan sama ada dua entiti ini sama kah tidak. *Actually, that one would not take more than 10 minutes time.* So, daripada keputusan Kabinet sampai sekarang sudah berapa lama, empat bulan kot, so masih tidak dapat pengesahan daripada segi itu kah?

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Pertama daripada segi *negotiation* Tuan Pengerusi, kita belum mulakan sebab kita kena dapatkan kelulusan dahulu daripada pihak Kementerian Kewangan untuk kita memulakan rundingan terus. Baru ini kita telah terima untuk kelulusan rundingan terus. Sebab tanpa kelulusan rundingan terus kita tidak boleh *initiate*, jadi itu yang penting.

**Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan:** *Alright, thank you Tuan Pengerusi, dengan izin. I think KKM memandang berat tentang semua data-data yang kami kumpul. Untuk makluman Yang Berhormat, kami ada satu data governance structure untuk memantau semua data MySejahtera. Kemungkinan Yang Berhormat untuk pengetahuan semua, saya boleh ceritakan bagaimana kita melupuskan data-data check-in. Buat masa sekarang untuk tujuan pengesanan kontak, kita menggalakkan semua yang memasuki premis-premis untuk mereka check-in dan semua check-in data buat masa sekarang secara puratanya buat masa sekarang kita mempunyai lebih kurang 30 juta check-in sehari buat masa sekarang. Semua data ini digunakan untuk MySejahtera automated contact tracing jika untuk pengetahuan semua buat masa sekarang setiap hari kami menghantar notifikasi kepada hampir 300,000 orang sebagai casual contact.*

Semua data ini hanya digunakan — *casual contact* dikenal pasti menggunakan algoritma sahaja bukan kita mengambil data keluar. Semua data check-in selepas 30 hari kita akan archive kan data dan selepas 60 hari ia akan dilupuskan. So, setiap hari kita melupuskan berjuta-juta data check-in.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Maaf saya kena beredar soon. But, as coronary to that, maksudnya kita faham daripada segi penjelasan diberikan dengan baik oleh pihak Menteri. Kebimbangan adalah syarikat asal tersebut because at the end of the day semasa mereka melakukan proses CSR, *they had ownership of the data*. So, sebelumnya mungkin saya fikir kita dah agak diberi jaminan mereka tidak boleh commercialize. Akan tetapi bila saya mendapat maklum balas daripada Kementerian Kewangan tadi, *you know we're in a grey zone lah*. Maksudnya if they were know clear cut agreement, masa peringkat awal maka kita harus mendapat penjelasan yang lebih clear.

Bukan sekarang ini, saya faham bila sampai kepada pihak KKM ya, *you are doing the govern structure* tetapi before it when to you guys, the first part semasa proses CSR itu berlangsung.

**Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan:** Ya, Yang Berhormat for information MySejahtera data from day one has been — KKM has been the owner of all data. So, our governance structure has been in place from day one Yang Berhormat. So, that's there. NACSA being our controller of cyber security. They look at all our data acquisition, our data extraction to access and what not with the permission of our Director of Disease Control Yang Berhormat. Thank you Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Doktor dan terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Datuk saya masih balik kepada kedua-dua syarikat itu.

---

Tadi saya cuba minta staf saya untuk *check* dalam akaun Suruhanjaya Syarikat Malaysia kan. Tadi ada dimaklumkan syarikat baharu itu dinamakan MySejahtera Sdn Bhd or *something* tetapi saya cuba *check* tidak ada nama itu. Mungkin ada nama yang lebih tepat lagi tidak? Mungkin dari KKM ataupun MOF dan juga apakah nama sebenar KPISoft.

Saya Google dapat *statement*, dia kata KPISoft Sdn Bhd tetapi malangnya hendak buat SSM *search* tidak ada KPISoft Sdn Bhd tetapi dia KPISoft Digital, KPISoft dengan nama yang lain. So, boleh tidak kita sahkan apakah nama sebenar untuk kedua-dua syarikat ini. *Any info from MOF.*

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** *Based on our record* Tuan Pengerusi, KPISoft Malaysia Sdn Bhd.

**Tuan Pengerusi:** KPISoft...

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** Malaysia Sdn Bhd. Ya, Malaysia Sdn Bhd. Akan tetapi kita pun *actually* yang kita pun dah buat, MySJ Sdn Bhd. MySejahtera. Akan tetapi bila kami buat semakan memang kami pun tidak jumpa, *that is why* kami telah...

**Tuan Pengerusi:** Ha, itulah bagaimana Kabinet boleh luluskan sekiranya info-info sebegini tidak tepatkan.

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** Ya, betul. *Maybe NACSA yang bawa paper ini ataupun MKN. They all* tidak buat through *check* tetapi tidak apa kita dah suruh KKM untuk menyemak perkara ini, kalau didapati benda ini memang tidak betul Tuan Pengerusi kena bawa kepada Jemaah Menteri balik lah.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Nampak KPISoft Malaysia Sdn Bhd, okey. Nampak adalah KPISoft Malaysia Sdn Bhd, *old company name*. Akan tetapi *new company name* dia adalah Entomo Malaysia Sdn Bhd. So, kita kena nampak *chain* dia.

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** Betul, Entomo yes ada kaitan tetapi MySJ Sdn Bhd tidak ada kaitan.

**Tuan Pengerusi:** Entomo dia nama baharu untuk KPISoft.

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** Ya, betul, itu dia.

**Tuan Pengerusi:** So, sekarang soalan bagi saya di sini adalah sama ada KPISoft Malaysia Sdn Bhd telah menjualkan kesemua kepentingannya dalam aplikasi MySejahtera kepada suatu entiti yang baharu. So, *they make money from there and* entiti baharu dapat satu *direct nego from KKM to handle the whole application. That is my worry and our worry from day one. That is why* — so Datuk saya hendak dapatkan penjelasan kelulusan oleh Kabinet itu adalah untuk membenarkan pelantikan secara rundingan terus bagi syarikat baharu tersebut tetapi

---

bergantung atau tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan tadi. *Can I say that, correctly Datuk?*

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Ini pertama ialah bergantung kepada rundingan antara pihak Kementerian Kesihatan dengan pihak syarikat. Jadi pihak syarikat kena berikan dahulu maklumat khusus macam saya nyatakan tadi. KPISoft siapa dia, kalau yang baharu ini MySJ Sdn Bhd untuk kita tentukan entiti yang sah. Berdasarkan maklumat tersebut barulah kita boleh panjangkan semula kepada pihak Kementerian Kewangan untuk kita dapat kelulusan. Sebab walaupun secara prinsip telah pun dipersetujui oleh Jemaah Menteri tetapi prosedur-prosedur *due diligence* yang patut kita lakukan untuk memastikan entiti yang sah sahaja yang akan kita berikan perolehan ini perlu kita patuhi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Datuk.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Lumut sila.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Way forward*nya adakah KKM akan mengambil alih syarikat ini letak di bawah KKM seperti macam ProtectHealth begitu ya yang dikendalikan oleh KKM ataupun kita bagi *job* untuk memantau pandemik ini ataupun epidemik selepas ini oleh syarikat itu dan KKM kontrol dia punya data sahaja. Pengurusan segala bentuk teknikalnya dimainkan oleh syarikat itu.

## ■1610

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey seperti yang dinyatakan tadi Ahli Yang Berhormat, yang dinyatakan oleh Dr. Mahesh, kita tengah melihat daripada segi elemen sama ada pertama, kita beli keseluruhan sistem ini dan untuk kita *take full control*, itu satu.

Akan tetapi, antara opsyen lain yang kita lihat ialah mungkin untuk kita *buy the services* umpamanya *software as the services*. Jadi, ini adalah satu kaedah yang kita tengah lihat sewaktu perundingan kita yang mana *will be more—economic sense, makes economic sense* dan juga dari segi untuk kita melaksanakan pada masa akan datang. Jadi opsyen-opsyen ini kami kena teliti untuk kita hendak perakukan kepada pihak kerajaan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ya sila, Datuk.

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak tanya tadi sebab Kementerian Kewangan sudah memberikan kelulusan untuk rundingan secara terus.

Jadi dalam kelulusan itu mesti sudah disebutkan tujuan untuk apa, beli *the whole system* kah atau syarikat kah dan sebagainya, bukan begitu kah?

**Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan:** Belum lagi Yang Berhormat. Kelulusan adalah untuk kita duduk bersama-sama dengan syarikat untuk kita melihat kembali kepada kontrak dan sebagainya.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Apa yang penting saya hendak maklumkan di sini untuk Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hendak kena runding dahulu untuk memastikan model mana yang terbaik untuk kita membuat perolehan bagi sistem ini sebab kalau umpamanya, kalau kita terus beli keseluruhan jadi kita kena lihat siapa pula yang akan mengoperasikannya dan selepas itu, kalau ada sebarang penambahbaikan, apakah kaedahnya.

Jadi ini adalah antara opsyen yang kita hendak lihat bagaimana kita hendak menggunakan MySejahtera pada masa akan datang. Akan tetapi untuk beli syarikat, saya rasa yang itu bukannya dalam skop kita untuk ke arah hendak beli syarikat terus letak di bawah Kementerian Kesihatan.

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun:** Datuk, sementara itu sekarang ini siapa yang menguruskan?

**Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan:** Yang Berhormat, kami hanya menggunakan platform yang disediakan oleh syarikat berkenaan. Semua pengurusan data, pengurusan modul-modul dan sebagainya adalah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia bersama jawatankuasa teknikal yang disertai oleh pelbagai jenis agensi, Yang Berhormat. So, *we just use the platform but all governance processes, management of the entire pandemic using various different modules are by Ministry of Health with other agencies.*

**Tuan Pengerusi:** Saya ada sedikit makluman di sini, saya sempat minta staf untuk membuat SSM search. Berkennaan dengan KPISoft, nama lamanya KPISoft Malaysia Sdn Bhd, nama baharu Entomo Malaysia Sdn Bhd dan tarikh pertukaran namanya, Mei 2020. Ini KPISoft Sdn Bhd yang sekarang dikenali sebagai Entomo Malaysia Sdn Bhd. Saya cek kedua-dua director, seorang bernama Rekhta Mani dan seorang lagi Yogaraj Thuraisingam. Shareholder dia Entomo Private Limited, itu shareholder dia.

Saya cek MySejahtera Sdn Bhd (MySJ Sdn Bhd). Syarikat yang tidak sama. MySJ Sdn Bhd, ditubuhkan pada bulan September 2020. Direktor-nya ada beberapa orang. Pertama, Datuk Hia Kok Poon, kedua, Raveenderan Ramamoothie, ketiga Anuar bin Rozhan, keempat Tan Sri Dato' Sri Liew Kee Sin, kelima Tan Sri Dato' Seri

---

Shahril Shamsuddin, keenam Tan Sri Dato' Seri Hj Megat Najmuddin Bin Datuk Seri Dr Hj Megat Khas iaitu *director*.

*Shareholder*-nya pun tidak sama dengan KPISoft Sdn. Bhd.. Nampaknya kedua-dua buah syarikat ini bukan sahaja entiti yang berlainan tetapi betul-betul pemilikan yang berlainan. *They are not from the same people.* So, apa yang saya boleh rumuskan ataupun *at least I can guess here is that* KPISoft Sdn. Bhd. telah pun menjualkan segala hak dan kepentingan dalam aplikasi MySejahtera kepada syarikat yang dinamakan MySJ Sdn Bhd.

Masalah di hadapan kita adalah KPISoft Sdn. Bhd. memulakan segala usaha ini dengan satu CSR sepanjang satu tahun. CSR itu tamat pada bulan April 2021. *So, they have got the contract in the name of a CSR. You don't need to pay me for one year, I got the contract and that bypass, the normal procurement process whereby if there is a sum of like more than RM200,000 or more than RM400,000 you have to go by open tender unless agreed by the.. agreed and approve by the Menteri Kewangan.* So, *now here* masalah di sini adalah seperti yang disyorkan apabila kontrak ini mula-mula diberikan kepada KPISoft Sdn. Bhd. Sekarang tiba-tiba datang sebuah syarikat yang lain untuk *take over the whole* aplikasi sama ada patut dan perlu bagi pihak Kabinet untuk memberikan lantikan secara rundingan terus kepada MySJ Sdn Bhd sahaja.

*So, that is a very big question. When we are talking about, we are going to pay— I mean pay for the apps for MySejahtera for a certain period of time, this could represent a huge contract.* So, apabila saya mendengar daripada KKM memang KKM *will go through all the due diligence and so on.* Akan tetapi bagi pihak PAC, saya ingat pelantikan secara rundingan terus kepada sebuah syarikat baharu tersebut tidak harus berlaku *and if KKM wanted to* untuk memberikan kontrak tersebut kepada mana-mana syarikat yang lain selain KPISoft Sdn. Bhd., maka sepatutnya KKM mematuhi segala tatacara perolehan yang telah pun ditetapkan, sama ada rundingan terus dengan kebenaran daripada Menteri Kewangan ataupun mengikuti skil ataupun nilai kontrak secara open tender ataupun sebut harga.

*So, I think Datuk, for this please convey the PAC position to Yang Berhormat Menteri dan apabila pihak kementerian membuat keputusan ini, please bear in mind the tatacara perolehan need to be straightly adhered to and of course, KPISoft Sdn. Bhd. from day one if there are a doing it as a CSR, they shouldn't be charging and if they are charging also and if we allow them to charge also, they shouldn't be selling the MySejahtera system to another company. And now the government is telling us, look we are getting another company to manage, we are going to go by rundingan*

---

terus and so on. Of course, everyone in the business, they want to make money, yes, but what kind of process that we need to go through, that is something very, very important in the eyes of PAC. So, itu komen saya bagi pihak PAC.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi atas pandangan berkenaan perkara ini. Itu sebabnya kalau Yang Berhormat lihat kenapa kita tidak pernah memulakan rundingan kita dengan pihak syarikat sebab kita menunggu selepas kita sudah membuat permohonan untuk mendapatkan kelulusan dahulu daripada pihak Kementerian Kewangan untuk memulakan rundingan. Jadi, itu sebabnya kita amat berhati-hati sebab tanpa sebarang kelulusan dan *go ahead* daripada Kementerian Kewangan, kita tidak hendak mengadakan sebarang perbincangan dengan mana-mana pihak sebab kita amat berhati-hati sebab yang ini nanti, pihak audit juga akan lihat bagaimana tatacara perolehan yang kita telah laksanakan Yang Berhormat.

#### ■1620

**Tuan Pengerusi:** Ya, terima kasih Datuk. Akan tetapi bagi syor 7.5 kami hendak tekankan supaya pihak KKM hendaklah memberikan pandangan dan juga penekanan yang serius terhadap syor 7.5 sama ada KKM bersedia untuk mengambil alih *since now KPISoft Sdn. Bhd. is no longer in picture. Why should we just allow the company just sell the apps to another company and to ensure the other company get the business and get the contract. That shouldn't happen lah. To me, I've said in Parliament if you want to get a government contract don't go through the backdoor way.* Okey, terima kasih. Okey, ada soalan lagi tidak daripada – ya Yang Berhormat Lumut sila.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, saya nampak senarai nama pemegang-pemegang saham ataupun *director, director* tadi ya. Orang besar-besar belaka itu. *They have a big companies like Sapura Holding, Sapura itu ya.* Apa benda yang MySejahtera yang Sapura minat sangat ini? *There must be something.* Tidak apa, itu kita punya waswas lah kan. Kita hendak tahu mungkin Kementerian Kewangan sudah beritahu tadi mereka tidak diberikan *info* yang mencukupi, latar belakang.

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** ... dalam Jemaah Menteri ada.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ada Jemaah Menteri ya.

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** Jemaah Menteri itu di bawah MySejahtera. JPM tidak membuat semakan, semakan ke atas syarikat tersebut.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ya, ya.

**Datin Rosni binti Mohd Yusoff:** Menyebabkan dua entiti yang berbeza. Memang kita sudah semak pun dalam SSM dan sebagainya. Memang didapati KPISoft Sdn. Bhd. bukannya MySJ Sdn. Bhd.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *So, we have no obligation, no obligation.*

**Tuan Pengerusi:** Ya, *that is why. My other point that we want to make the government has no obligation to give the contract to MySJ Sdn Bhd.* Itu sebab lah tadi saya kata *when I got the name right, we can get the info out in five to ten minutes.* So, *that* itu tidak perlu tiga atau empat bulan untuk dapat satu maklumat berkenaan dengan syarikat-syarikat tersebut. So, *unless* pemegang saham ataupun *director* daripada KPISoft Sdn. Bhd. merupakan pemegang saham utama dan juga *director* bagi syarikat yang baharu okey *then* mungkin KKM consider lah. Akan tetapi sekarang dia nampaknya merupakan satu entiti dan juga pemilikan yang berlainan. *So, I rest my case here. So, ada soalan lain tidak?*

Okey, jika tidak ada saya ucapkan terima kasih kepada saksi-saksi yang hadir, Datuk KSU, Datuk TKSU, dan kesemua pegawai kanan dari kedua-dua kementerian dan juga MoF yang hadir pada petang ini. Bagi laporan perolehan vaksin COVID-19 ini memang pihak PAC telah menggunakan suatu masa yang panjang untuk memuktamadkan laporan tersebut dan itulah sebab kenapa juga saya memohon supaya pihak kementerian memberikan penekanan yang secukupnya kepada syor-syor yang diberikan. Juga terima kasih kepada kesemua ex-officio yang hadir, ahli-ahli semua yang hadir dan bagi ex-officio dan juga sekretariat kita akan berjumpa jam 10.30 pagi esok. 11.00?

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** Besok jam 10.30 pagi saksi KP Kastam, Prosiding Projek Pembangunan Sistem uCustoms.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi:** Kemungkinan TKSPPI akan hadir. Prosiding saya minta Yang Berhormat baca Hansard yang kita akan upload daripada BRINFO.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Okey, terima kasih. Terima kasih sekretariat dan sekali lagi terima kasih kepada semua saksi yang hadir. *Thank you.*

**Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan semua ahli.

**Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh:** Okey, terima kasih.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.04 petang]**

---